



# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2014

AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN  
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN  
**NEGERI KELANTAN**

SIRI 3





---

# LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2014

---

AKTIVITI JABATAN/AGENSI  
DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN  
NEGERI KELANTAN

SIRI 3





---

# KANDUNGAN

---



---

# KANDUNGAN

---

vii	KATA PENDAHULUAN
xi	INTISARI LAPORAN
	AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI
	<b>PEJABAT TANAH DAN GALIAN</b>
3	Aktiviti Pembangunan Tanah Tinggi Lojing Dan Kesannya Terhadap Alam Sekitar
	<b>MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU KELANTAN</b>
27	Pengurusan Hartanah Wakaf
	<b>PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN</b>
47	Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad
69	PENUTUP





---

# KATA PENDAHULUAN

---



---

# KATA PENDAHULUAN

---

1. Perkara 106 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 serta Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2013 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri.
2. Jabatan Audit Negara akan terus menyokong Dasar Transformasi Negara dan terus membantu Jabatan/ Agensi Kerajaan melakukan penambahbaikan bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat dengan memberikan pandangan serta syor melalui pengaudit yang dijalankan. Ke arah itu, satu lagi inisiatif di bawah GTP 2.0 telah dilaksanakan oleh Jabatan Audit Negara iaitu mewujudkan paparan “AG’s Dashboard” yang memaparkan status terkini tindakan yang telah diambil oleh pihak Audit terhadap isu-isu yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara termasuk syor-syor yang dikemukakan sebaik sahaja Laporan itu dibentangkan di Parlimen. Paparan sedemikian yang boleh diakses oleh semua pihak dapat memberi gambaran sejauh mana tindakan pembetulan atau penambahbaikan telah diambil oleh Jabatan/Agensi pada satu-satu masa.
3. Laporan saya ini adalah hasil daripada pengaudit yang dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan di 1 Jabatan, 1 Agensi dan 1 Syarikat Kerajaan Negeri Kelantan. Pemerhatian Audit daripada pengaudit tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Ketua-ketua Jabatan dan Agensi juga telah dimaklumkan mengenai isu-isu berkaitan semasa *Exit Conference* yang diadakan sebelum Laporan ini disediakan. Sehubungan itu, hanya penemuan Audit yang penting sahaja dilaporkan dalam Laporan ini. Laporan berkenaan juga telah dikemukakan kepada Pejabat Menteri Besar/Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 10 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi berkenaan.
4. Saya berharap laporan mengenai pelaksanaan Aktiviti Jabatan/Agensi dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Kelantan Tahun 2014 Siri 3 ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan, meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat sepetimana dihasratkan oleh Kerajaan.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Kelantan yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(TAN SRI DATO' HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara

Malaysia

Putrajaya

16 Oktober 2015



---

# INTISARI LAPORAN

---



---

# INTISARI LAPORAN

---

## 1. PEJABAT TANAH DAN GALIAN

- Aktiviti Pembangunan Tanah Tinggi Lojing dan Kesannya Terhadap Alam Sekitar

1.1. Tanah Tinggi Lojing (TTL) seluas 25,435 hektar (ha) merupakan sebahagian daripada Jajahan Kecil Lojing (JKL) dan terletak di Wilayah Barat Daya Kelantan dalam Jajahan Gua Musang. TTL bersempadan dengan Tanah Tinggi Cameron Highlands, Pahang dan Simpang Pulai, Perak. TTL berketinggian 300 meter sehingga 2,181 meter dari paras laut (mpl) dengan suhu antara 18°C hingga 25°C dan mempunyai beberapa batang sungai utama iaitu Sungai Belatop, Sungai Isos, Sungai Jelai, Sungai Pelau'ur, Sungai Kenrew, Sungai Penangau dan Sungai Berok. JKL telah diwartakan sebagaimana pelan warta No. PW 966 pada 24 Jun 2010. JKL meliputi 3 daerah iaitu, Daerah Betis, Daerah Hau dan Daerah Sigar.

1.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun 2015 hingga September 2015 mendapati pada keseluruhannya, pengurusan aktiviti pembangunan Tanah Tinggi dan Kesannya kepada Alam Sekitar di Tanah Tinggi Lojing adalah kurang memuaskan. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti di bawah:

- Aktiviti pertanian dijalankan di kawasan ketinggian melebihi 1,000 mpl dan di kecerunan melebihi 25°.
- Pembangunan pertanian dilakukan tanpa kebenaran merancang.
- Pencerobohan terhadap rizab sungai dan kawasan hutan.
- Syarat-syarat kelulusan *Environment Impact Assessment* tidak dipatuhi.
- Penggunaan racun makhluk perosak yang tidak mematuhi piawaian.
- Pemantauan dan penguatkuasaan kurang berkesan.

1.3. Bagi memastikan keseluruhan aktiviti pertanian di Tanah Tinggi Lojing terkawal dan kes-kes pelanggaran syarat yang ditetapkan tidak berterusan, semua agensi terbabit seperti Pejabat Tanah Dan Galian (PTG), Majlis Daerah Gua Musang (MDGM), Pejabat Tanah Dan Jajahan Kecil Lojing, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS), Jabatan Pertanian, Jabatan Perhutanan perlu menjalankan pemantauan secara berkala dan mengambil tindakan tegas terhadap pengusaha ladang yang tidak mematuhi syarat yang ditetapkan dalam setiap aktiviti guna tanah di Tanah Tinggi Lojing. Pihak Audit mengesyorkan perkara berikut:

**1.3.1.** PTG hendaklah merampas tanah yang diberi milik jika didapati pengusaha ladang mengingkari syarat-syarat yang ditetapkan. PTG hendaklah tidak memberi milik kepada tanah-tanah yang ketinggian melebihi 1,000 mpl dan berkecerunan lebih 25° selaras dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Tanah Tinggi Lojing Bil. 2/2014.

**1.3.2.** MDGM perlu mengambil tindakan selaras dengan peruntukan di bawah Sek. 27 (6), Akta Perancang Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172) yang menghendaki pengusaha menghentikan aktiviti pertanian selepas menerima Notis Menghentikan Kerja tanpa Kebenaran Merancang (Borang G). Tindakan mahkamah hendaklah diambil terhadap pengusaha pertanian yang ingkar.

**1.3.3.** JPS perlu mengenal pasti semua anak sungai di kawasan Lojing dengan mewartakannya dan mengambil tindakan ke atas pengusaha yang melakukan pencerobohan rizab sungai / mencemari sungai. Sementara, Jabatan Pertanian perlu mengawal penggunaan racun perosak pada tanaman makanan.

**1.3.4.** Jabatan Perhutanan perlu memastikan kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK) tidak diceroboh dan mengambil tindakan undang-undang terhadap penceroboh yang dikenal pasti. Jabatan Perhutanan hendaklah menggunakan sepenuhnya kemudahan *remote sensing* bagi memastikan kawasan yang diusahakan tidak melebihi kelulusan yang dibenarkan dan HSK di sekitarnya tidak dicerobohi.

## **2. MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU KELANTAN**

### **- Pengurusan Hartanah Wakaf**

**2.1.** Amalan wakaf merupakan salah satu ibadah yang berbentuk sedekah jariah yang amat dituntut dalam Islam dan menjanjikan ganjaran pahala yang berterusan kepada pewakaf selagi harta yang diwakafkan itu dimanfaatkan. Maka, setiap harta wakaf perlulah dijaga dan diurus dengan sebaik mungkin bagi menatihahkan hasil sebagaimana yang diniatkan oleh pewakaf. Dalam konteks negara Malaysia, pihak berkuasa Agama Islam negeri merupakan pemegang amanah tunggal bagi wakaf di negeri masing-masing. Sehubungan itu, Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) yang ditubuhkan di bawah Enakmen 4 Tahun 1994 adalah badan yang bertanggungjawab untuk mengurus dan mentadbir segala harta pewakafan orang Islam di Negeri Kelantan. Berdasarkan data Sistem Bank Tanah MAIK, sehingga tahun 2014 terdapat seluas 753.87 ekar tanah wakaf yang ditadbir oleh MAIK dengan nilai RM127.11 juta. Jumlah ini terdiri daripada 54.52 ekar tanah wakaf am, 500.20 ekar tanah wakaf khas dan 199.15 ekar tanah wakaf zurri. Sebahagian besar tanah wakaf khas merupakan tanah wakaf kubur iaitu seluas 220.61 ekar, tanah wakaf masjid dengan keluasan 113.57 ekar, tanah wakaf sekolah agama/pondok tahniz seluas 42.84 ekar dan selebihnya 123.18 ekar merupakan lain-lain wakaf khas.

**2.2.** Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga Ogos 2015 mendapati pengurusan harta tanah wakaf dari aspek pembangunan dan penyenggaraan tanah wakaf adalah memuaskan. Bagaimanapun dalam beberapa aspek yang lain masih kurang memuaskan dan memerlukan tindakan penambahbaikan seperti berikut:

- Maklumat harta tanah wakaf seperti keluasan, kegunaan semasa, tahun milik tanah dan nombor hak milik tidak lengkap dan kemas kini. Begitu juga harta wakaf tidak diwartakan.
- Kadar sewa bagi 184 penyewa tidak disemak sejak tahun 1999.
- Tunggakan sewa meningkat serta terdapat tanah-tanah wakaf telah diceroboh.
- Tanah wakaf berpotensi tetapi belum dibangunkan.

**2.3.** Bagi memastikan pengurusan harta tanah wakaf dilaksanakan dengan lebih efisien dan menangani kelemahan yang wujud, pihak MAIK disyorkan mengambil langkah-langkah berikut:

**2.3.1.** Menyediakan dan menyelenggara Daftar Wakaf dengan lengkap dan kemas kini, serta mewartakan semua harta wakaf bagi memenuhi kehendak Enakmen MAIK.

**2.3.2.** Memperkemaskan pengurusan dan menyemak kadar sewa yang tidak munasabah.

**2.3.3.** Melaksanakan pemantauan berkala terhadap harta tanah wakaf dan mengambil tindakan tegas terhadap penceroboh dan seterusnya menyediakan perancangan yang spesifik bagi setiap harta tanah wakaf untuk dibangunkan dan dimanfaatkan sejajar dengan niat pewakaf.

### **3. PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN**

#### **- Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad**

**3.1.** Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB) telah didaftarkan pada 29 April 1995 dan dimiliki sepenuhnya oleh Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK). Modal dibenarkan bagi KPKB adalah berjumlah RM10 juta manakala modal berbayar berjumlah RM4.20 juta. Visi KPKB adalah menjadi syarikat peneraju dalam aktiviti pertanian komersial dan industri asas tani yang menjana ekonomi Negeri Kelantan manakala misinya adalah bertekad dan berusaha menjalankan aktiviti pertanian dan industri asas tani secara intensif di peringkat nasional dan global ke arah mencapai inspirasi Kerajaan Negeri Kelantan sebagai Jelapang Makanan Negara. Peranan utama KPKB ialah melaksanakan pembangunan sektor pertanian secara komersial di Negeri Kelantan sebagai Negeri Jelapang Makanan Negara serta merealisasikan wawasan pertanian Kerajaan yang memberi impak dalam pembangunan industri pertanian dan asas tani.

**3.2.** KPKB mempunyai empat perniagaan teras iaitu pertanian, penternakan, akuakultur dan bioteknologi. Aktiviti utama yang dilaksanakan adalah penternakan dan penjualan baja sebatian. Selain itu, KPKB juga membekal dan mengurus projek Kerajaan Negeri iaitu Skim Baja Padi, Skim Beras Al-It'Am dan Projek Hijau Sejahtera. KPKB juga memperoleh hasil pendapatan melalui aktiviti sewaan bangunan dan pajakan tanah. Ahli Lembaga Pengarah KPKB terdiri daripada 9 orang iaitu 5 orang wakil Kerajaan, seorang Pengurus Kewangan PKINK dan 3 orang ahli perniagaan. Pengurusan KPKB diketuai oleh Pengurus Besar dan dibantu oleh 22 kakitangan.

**3.3.** Pengauditan yang dijalankan pada Februari hingga Mei 2015 mendapati secara keseluruhannya, pengurusan KPKB adalah kurang memuaskan. Daripada segi prestasi kewangan, KPKB mengalami kerugian bersih pada tahun 2011 dan 2012 serta kerugian terkumpul bagi tahun 2011, 2012 dan 2013. Analisis nisbah menunjukkan trend peningkatan bagi tahun 2012 tetapi menurun pada tahun 2013. Pengurusan aktiviti adalah tidak memuaskan manakala tadbir urus korporat adalah memuaskan. Kelemahan utama dalam pengurusan aktiviti KPKB adalah seperti berikut:

- Aktiviti penternakan mengalami kerugian berterusan.
- Prestasi pendapatan daripada projek Kerajaan Negeri menurun.
- Kelemahan pengurusan sewaan bangunan dan pajakan tanah.
- Kerugian pelaburan dalam syarikat usaha sama dan syarikat subsidiari.
- Syarat perjanjian pajakan tanah tidak dipatuhi.

**3.4.** Secara keseluruhannya, pengurusan KPKB adalah kurang memuaskan. Bagi tujuan penambahbaikan dan mempertingkatkan prestasi syarikat, pihak Audit mengesyorkan KPKB mengambil langkah berikut:

**3.4.1.** Membuat perancangan yang terperinci dalam pelaksanaan projek atau program supaya pembaziran kos dan masa dapat dikurangkan dan keuntungan maksima dapat dicapai.

**3.4.2.** Syarikat induk perlu membuat pemantauan terhadap syarikat subsidiari meliputi aspek pengurusan, tahap prestasi kewangan dan operasi syarikat serta keberkesanannya kawalan dalaman syarikat supaya syarikat kekal beroperasi berdasarkan objektif penubuhan dan berdaya maju pada masa hadapan.

**3.4.3.** Kajian awal perlu dilakukan terhadap latar belakang sesebuah syarikat, risiko projek usahasama serta jangkaan keuntungan di atas pelaburan sebelum sesuatu perjanjian usaha sama dimeterai.



---

AKTIVITI  
JABATAN/AGENSI  
DAN PENGURUSAN SYARIKAT  
KERAJAAN NEGERI

---




## PEJABAT TANAH DAN GALIAN

### 1. AKTIVITI PEMBANGUNAN TANAH TINGGI LOJING DAN KESANNYA KEPADA ALAM SEKITAR

#### 1.1. LATAR BELAKANG

1.1.1. Tanah Tinggi Lojing (TTL) seluas 25,435 hektar (ha) merupakan sebahagian daripada Jajahan Kecil Lojing (JKL) dan terletak di Wilayah Barat Daya Kelantan dalam Jajahan Gua Musang. TTL bersempadan dengan Tanah Tinggi Cameron Highlands, Pahang dan Simpang Pulai, Perak. TTL berketinggian 300 meter sehingga 2,181 meter dari paras laut (mpl) dengan suhu antara 18°C hingga 25°C dan mempunyai beberapa batang sungai utama iaitu Sungai Belatop, Sungai Isos, Sungai Jelai, Sungai Pelau'ur, Sungai Kenrew, Sungai Penangau dan Sungai Berok. JKL telah diwartakan sebagaimana pelan warta No. PW 966 pada 24 Jun 2010 meliputi 3 daerah iaitu, Daerah Betis, Daerah Hau dan Daerah Sigar. Kedudukan TTL di Daerah Sigar adalah seperti **Peta 1.1**.



Sumber: Rancangan Kawasan Khas (RKK) Tanah Tinggi Lojing, Jabatan Perancang Bandar Dan Desa

**1.1.2.** Visi pembangunan TTL adalah untuk mengekalkan identiti daerah sebagai pusat agropelancongan dan juga ekopelancongan tanah tinggi yang berasaskan penjagaan kelestarian alam sekitar. Bagi melancarkan pembangunan TTL, kerajaan melalui Pejabat Tanah Dan Galian telah memberi milikan tanah seluas 11,967.472 ha kepada 3 jabatan kerajaan, 8 anak syarikat kerajaan negeri dan 19 syarikat swasta untuk dimajukan.

## **1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan ini adalah untuk menilai sama ada pengurusan aktiviti pembangunan tanah tinggi di TTL diuruskan dengan cekap dan berkesan dengan mengambil kira kesan terhadap kualiti alam sekitar.

## **1.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

**1.3.1.** Skop pengauditan adalah khusus kepada aktiviti pertanian yang dilaksanakan oleh 5 syarikat yang diberi pajakan sehingga tahun 2015 iaitu Syarikat Multi System Sdn. Bhd., (480.60 ha), Syarikat Liquid Gold Sdn. Bhd., (202.39 ha), Syarikat All Green Sdn. Bhd., (202.34 ha), Syarikat Acomax Holding Sdn. Bhd. (400.40 ha) dan CSN Enterprise Sdn. Bhd. (403.38 ha) yang keseluruhannya merangkumi kawasan seluas 1,689.11 ha. Senarai hak milik tanah syarikat adalah seperti **Jadual 1.1**.

**Jadual 1.1**  
**Senarai Hak Milik Tanah Syarikat**

Bil.	Syarikat	No. Hak Milik	No. Lot	Keluasan (ha)
1.	Multi System Sdn. Bhd	PN 7200 & 7201	Lot 1854 & 1855	480.60
2.	Liquid Gold Sdn. Bhd	HS(D) 1291, 1292 & 1293	Lot 5326, 5327 & 5328	202.39
3.	All Green Sdn. Bhd	HSD 1793 & 1794	PT 5347 & 5160	202.34
4.	Acomax Holding Sdn. Bhd	PN 4190	Lot 2352	400.40
5.	CSN Enterprise Sdn. Bhd	PN 4192, 4193 & 4194	Lot 2361, 2354 & 2353	403.38
<b>Jumlah</b>				<b>1,689.11</b>

Sumber: Pejabat Tanah Dan Galian

**1.3.2.** Kaedah pengauditan ini meliputi semakan terhadap rekod, fail dan dokumen di Pejabat Tanah Dan Galian (PTG), Unit Perancang Ekonomi (UPEN), Majlis Daerah Gua Musang (MDGM), Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan (JPNK) dan Pejabat Tanah Dan Jajahan Kecil Lojing (PTJKL) serta agensi-agensi yang berkaitan dengan pembangunan TTL.

**1.3.3.** Pihak Audit juga mendapatkan khidmat nasihat kepakaran teknikal daripada agensi kerajaan mengenai pengurusan aktiviti pembangunan tanah tinggi seperti *Agensi Remote Sensing Malaysia (ARSM)*, Jabatan Alam Sekitar (JAS), Jabatan Mineral Dan Geosains (JMG), Jabatan Pertanian (JPN), Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS), Jabatan Perlindungan Hidupan Liar Dan Taman Negara (PERHILITAN), Jabatan Ukur Dan Pemetaan (JUPEM) serta Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD).

**1.3.4.** Lawatan ke tapak projek untuk pengesahan fizikal dijalankan dengan menggunakan teknologi *Remote Sensing* dan *Geographical Information System* (GIS). Selain itu untuk menentukan lokasi dan kecerunan tanah tinggi *Global Positioning System* (GPS) dan *Clinometer* telah digunakan. Temu bual juga diadakan dengan pegawai dan kakitangan agensi yang berkaitan. *Exit Conference* bersama Pengarah PTG, Pengarah JAS, Setiausaha MDGM, Penolong Pengarah JPNK dan Penolong Pengarah UPEN telah diadakan pada 7 Oktober 2015.

#### **1.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun 2015 hingga September 2015 mendapati pada keseluruhannya, pengurusan aktiviti pembangunan Tanah Tinggi dan kesannya kepada Alam Sekitar di Tanah Tinggi Lojing adalah kurang memuaskan. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

- Aktiviti pertanian dijalankan di kawasan ketinggian melebihi 1,000 mpl dan di kecerunan melebihi 25°.
- Pembangunan pertanian dilakukan tanpa kebenaran merancang.
- Pencerobohan terhadap rizab sungai dan kawasan hutan.
- Syarat-syarat kelulusan *Environment Impact Assessment* tidak dipatuhi.
- Penggunaan racun makhluk perosak yang tidak mematuhi piawaian.
- Pemantauan dan penguatkuasaan kurang berkesan.

##### **1.4.1. Aktiviti Pertanian Dijalankan Di Kawasan Ketinggian Melebihi 1,000 mpl Dan Di Kecerunan Melebihi 25°**

**1.4.1.1.** TTL dikategorikan sebagai *Special Management Area* (SMA) dan mempunyai kriteria Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS) berdasarkan kepada Rancangan Fizikal Negara (RFN 2) tahun 2010. Pengurusan KSAS adalah berpandukan kepada kriteria berikut:

- a. KSAS Tahap I: Kawasan melebihi kontur 1,000mpl pembangunan, pertanian atau pembalakan tidak dibenarkan kecuali ekopelancongan, penyelidikan dan pendidikan.
- b. KSAS Tahap II: Kawasan antara kontur 300mpl - 1,000mpl pembangunan atau pertanian tidak dibenarkan. Pembalakan mampan dan ekopelancongan berimpak rendah dibenarkan tetapi tertakluk kepada halangan setempat.
- c. KSAS Tahap III: Kawasan antara kontur 150mpl - 300mpl, semua kawasan yang mempunyai risiko hakisan melebihi 150 tan/ha/tahun. Pembangunan terkawal di mana jenis dan intensiti pembangunan perlu tertakluk kepada ciri-ciri halangan.

**1.4.1.2.** Garis Panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (GP KPCT 1997) mendefinisikan pembangunan sebagai aktiviti pembangunan di kawasan bukit, tanah tinggi, lereng berbukit dan kawasan sekitarnya yang perlu dikawal dan dipantau pembangunan supaya aspek keselamatan pendudukan dan kesensitifan alam sekitar dapat dipelihara. Berdasarkan seksyen 10(1), Akta Perhutanan Negara 1984, semua kawasan atau tanah kerajaan yang melebihi had ketinggian 1,000 mpl telah diwartakan sebagai Hutan Perlindungan Tanah dan Hutan Tadahan Air.

**1.4.1.3.** GP KPCT 1997 juga menyatakan aspek kecerunan meliputi kelas I hingga kelas IV. Keterangan lanjut adalah seperti berikut dan di **Gambar Rajah 1.1**.

- a. Kelas I: Kecerunan di bawah  $15^\circ$  dikategorikan sebagai rendah boleh dimajukan untuk semua jenis pembangunan.
- b. Kelas II: Kecerunan antara  $15^\circ$  hingga  $25^\circ$  dikategorikan sebagai sederhana boleh dimajukan untuk aktiviti penempatan dan pertanian.
- c. Kelas III: Kecerunan melebihi  $25^\circ$  hingga  $35^\circ$  dikategorikan sebagai tinggi boleh dimajukan untuk pembangunan rekreasi berimpak rendah dan tidak melibatkan struktur pembinaan.
- d. Kelas IV: Kecerunan melebihi  $35^\circ$  dikategorikan sebagai sangat tinggi tidak boleh dimajukan sebarang pembangunan.



**Gambar Rajah 1.1**  
**Kawalan Perancangan di Tanah Tinggi**

Sumber: Garis Panduan Pembangunan Di Kawasan Tanah Tinggi 2009

**1.4.1.4.** Selaras dengan Seksyen 34A (2) Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Ketua Pengarah JAS telah menetapkan bahawa kawasan yang mempunyai ketinggian melebihi 1,000 mpl dan kecerunan melebihi  $25^\circ$  hendaklah dikenakan sebagai kawasan hijau.

**1.4.1.5.** Berdasarkan **Imej 1.1** dan **Imej 1.2**, kawasan berwarna oren dan merah menunjukkan kawasan melebihi  $25^\circ$  dan kawasan berwarna hijau adalah kawasan tinggi melebihi 1,000 mpl, menunjukkan terdapat aktiviti pertanian oleh Syarikat Multi System Sdn. Bhd., Syarikat CSN Enterprise Sdn. Bhd. dan Acomax Holding Sdn. Bhd.

Imej 1.1  
Kawasan Ketinggian Melebihi 1,000 mpl dan Berkecerunan Melebihi 25°




Sumber: Imej daripada Agensi Remote Sensing Malaysia

Lokasi: Tanah Milik Syarikat Multi System Sdn. Bhd.

Tarikh Cerapan: 17 Januari 2015

Imej 1.2  
Kawasan Ketinggian Melebihi 1,000 mpl dan Berkecerunan Melebihi 25°



Sumber: Agensi Remote Sensing Malaysia

Lokasi: Tanah Milik Syarikat CSN Enterprise Sdn. Bhd. dan Acomax Holding Sdn. Bhd.

Tarikh: 17 Januari 2015

**1.4.1.6.** Lawatan Audit pada 11 Ogos 2015 dan 15 September 2015 terhadap kawasan-kawasan yang diberimilikan kepada kelima-lima syarikat yang diaudit mendapati semua syarikat menjalankan aktiviti pertanian di kawasan melebihi 1,000 mpl dan berkecerunan melebihi 25°. Jenis aktiviti pertanian adalah melibatkan penanaman bunga dan sayuran.

**1.4.1.7.** Semakan Audit juga mendapati cadangan daripada Syarikat All Green Agritech Sdn. Bhd. untuk mengusahakan projek pertanian di tanah miliknya tidak disokong oleh Jabatan Pertanian Negeri (JPN) kerana kedudukan tanah melebihi ketinggian 1,000 mpl dan berkecerunan melebihi  $30^{\circ}$ . Manakala, cadangan syarikat lain telah disokong oleh JPN berdasarkan kesesuaian tanah masing-masing. Bagaimanapun, Lawatan Audit pada 15 September 2015 mendapati syarikat ini telah mengusahakan projek pertanian berkenaan dan setakat ini tidak ada apa-apa tindakan yang diambil oleh mana-mana pihak berkuasa.

**1.4.1.8.** Hasil lawatan Audit, berikut adalah gambar-gambar yang menunjukkan pencerobohan 5 syarikat di kawasan ketinggian melebihi 1,000 mpl dan berkecerunan melebihi  $25^{\circ}$  seperti di **Gambar 1.1** hingga **Gambar 1.5** manakala **Gambar 1.6** dan **Gambar 1.7** menunjukkan kesan hakisan tanah dan tanah runtuh akibat kerja-kerja tanah untuk projek pertanian.

**Gambar 1.1**  
**Ketinggian Melebihi 1,000 mpl**



Sumber: Jabatan Alam Sekitar Cawangan Gua Musang  
Lokasi: Syarikat Acomax Holding Sdn. Bhd.  
Tarikh: 10 Ogos 2015

**Gambar 1.2**  
**Berkecerunan Melebihi 25°**



Sumber: Jabatan Alam Sekitar Cawangan Gua Musang  
Lokasi: Syarikat Multi System Sdn. Bhd.  
Tarikh: 10 Ogos 2015

**Gambar 1.3**  
**Ketinggian Melebihi 1,000 mpl**



Sumber: Jabatan Alam Sekitar Cawangan Gua Musang  
Lokasi: Syarikat Liquid Gold Sdn. Bhd.  
Tarikh: 5 Julai 2015

**Gambar 1.4**  
**Berkecerunan Melebihi 25°**



Sumber: Jabatan Audit Negara Negeri Kelantan  
Lokasi: Syarikat All Green Sdn. Bhd.  
Tarikh: 15 September 2015



**Gambar 1.5**  
**Ketinggian Melebihi 1,000 mpl Dan Berkecerunan Melebihi 25°**

Sumber: Jabatan Audit Negara Negeri Kelantan  
Lokasi: Syarikat CSN Enterprise Sdn. Bhd.  
Tarikh: 15 September 2015

**Gambar 1.6**  
**Hakisan Tanah Dan Tanah Runtuhan**



Sumber: Jabatan Audit Negara Negeri Kelantan  
Lokasi: Liquid Gold Sdn. Bhd.  
Tarikh: 15 September 2015

**Gambar 1.7**



Sumber: Jabatan Audit Negara Negeri Kelantan  
Lokasi: Multi System Sdn. Bhd.  
Tarikh: 15 September 2015

**1.4.1.9. Mengikut maklum balas PTG bertarikh 5 Oktober 2015, setakat ini tiada hak milik baru dikeluarkan bagi TTL. Jika ada pemberian milik baru selepas ini, pihak PTG akan mengambil kira pengesyoran Audit sebagaimana keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Tanah Tinggi Lojing Bil. 2/2014. Oleh kerana sebahagian besar tanah di TTL telah diberi milik, tanah-tanah Kerajaan telah berkurang dan tindakan penguatkuasaan ke atas pencerobohan tanah kerajaan tidak banyak dapat dilakukan. Pihak PTG juga memaklumkan bahawa bagi pemberian milik baru, sekatan kepentingan dalam geran tanah akan dinyatakan syarat-syarat berkaitan memelihara alam sekitar.**

Pada pendapat Audit, kawasan KSAS perlu dilindungi bagi menjamin kelestarian alam dan tidak boleh dibenarkan untuk sebarang pembangunan yang boleh memusnahkan keseimbangan alam sekitar.

#### **1.4.2. Pembangunan Pertanian Dilakukan Tanpa Kebenaran Merancang (KM)**

**1.4.2.1. Berdasarkan Subseksyen 21(1) Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 (Akta 172), menghendaki semua kerja-kerja untuk membangunkan tanah dan mendirikan bangunan perlulah mendapat Kebenaran Merancang daripada Pihak Berkuasa**

Perancang Tempatan iaitu Majlis Daerah Gua Musang. Seksyen 18, Akta 172 pula melarang seseorang menggunakan tanah atau bangunan kecuali mengikut rancangan tempatan. Sebelum memohon Kebenaran Merancang pengusaha pertanian perlu terlebih dahulu mendapat kelulusan *Environment Impact Assessment* (EIA) daripada JAS.

**1.4.2.2.** Semakan Audit mendapati 5 syarikat yang dipilih telah mendapat kelulusan EIA. Bagaimanapun syarikat berkenaan tidak pernah memohon KM untuk mewajarkan pelaksanaan aktiviti pertanian. Keadaan ini berlaku kerana MDGM tidak melaksanakan penguatkuasaan sebagaimana diperuntukkan dalam Akta 172. Tanpa KM, aktiviti pembukaan tanah tidak terkawal seperti penyediaan kolam mendapan tidak dibuat, pelupusan tanah-tanah daripada pemotongan cerun tidak diuruskan dengan sempurna, pembinaan cerun yang bertingkat-tingkat dan jalan ladang yang dibuat atau dibina tidak mengikut spesifikasi.

**1.4.2.3.** Lawatan Audit ke kawasan-kawasan yang diberimilikkan kepada kelima-lima syarikat mendapati hanya CSN Enterprise Sdn. Bhd. telah menyediakan kolam mendapan tetapi tidak mengikut spesifikasi iaitu tiada *riser* seperti di **Gambar 1.8** dan **Gambar 1.9**.




**1.4.2.4. Mengikut maklum balas MDGM semasa *Exit Conference* pada 7 Oktober 2015, MDGM mengambil maklum tentang teguran Audit dan akan mengambil tindakan selaras dengan Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 yang menghendaki Kebenaran Merancang diperolehi sebelum sebarang pemajuan dijalankan. MDGM juga telah mengeluarkan notis (Borang F) kepada pengusaha supaya permohonan KM dikemukakan. Selain itu MDGM juga telah mengeluarkan notis (Borang G) kepada pengusaha supaya menghentikan aktiviti pertanian yang dilaksanakan tanpa KM.**

Pada pendapat Audit, MDGM hendaklah mengambil tindakan yang lebih tegas terhadap pengusaha pertanian yang masih ingkar walaupun telah diberi notis menghentikan aktiviti pertanian, selaras dengan Akta 172.


### 1.4.3. Pencerobohan Rizab Sungai

**1.4.3.1.** Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), Bahagian VIII (Pencemaran Anak Sungai), melarang sungai dan rizab sungai dicerobohi. Manakala Pekeliling Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian (JKPTG) Bil. 2 Tahun 2010 menetapkan kelebaran kawasan rizab sungai adalah antara 5 meter hingga 50 meter bergantung kepada kelebaran sungai.

**1.4.3.2.** Pihak Audit mendapati kawasan rizab sungai seperti Sg. Isos, Sg. Pelau'ur, Sg. Belatop dan Sg. Berok telah dijadikan kawasan penanaman sayur oleh Syarikat Multi System Sdn. Bhd., CSN Enterprise Sdn. Bhd. dan Acomax Holding Sdn. Bhd seperti di **Gambar 1.10** dan **Gambar 1.11**.



Sumber: Jabatan Alam Sekitar Cawangan Gua Musang  
Lokasi: Sungai Pelau'ur di kawasan Syarikat Multi System Sdn. Bhd.  
Tarikh: 5 Julai 2015



Sumber: Jabatan Audit Negara Negeri Kelantan  
Lokasi: Sungai Berok di kawasan Syarikat CSN Enterprise dan Acomax Sdn. Bhd.  
Tarikh: 11 Ogos 2015

**1.4.3.3.** Lawatan Audit ke ladang Syarikat Liquid Gold Sdn. Bhd. pula mendapati pembuangan sisa-sisa pertanian dan barang-barang plastik (biomass) di tebing Sungai Isos seperti di **Gambar 1.12** dan **Gambar 1.13**.

**Gambar 1.12**

Pembuangan Sisa-Sisa Pertanian dan Barang-Barang Plastik di Tebing Sungai



Sumber: Jabatan Alam Sekitar Cawangan Gua Musang

Lokasi: Syarikat Liquid Gold Sdn. Bhd.

Tarikh: 5 Julai 2015

**Gambar 1.13**

Pembuangan Sisa-Sisa Pertanian dan Barang-Barang Plastik di Tebing Sungai



Sumber: Jabatan Audit Negara Negeri Kelantan

Lokasi: Syarikat Multi System Sdn. Bhd.

Tarikh: 15 September 2015

**1.4.3.4.** Pihak Audit juga mendapati penolakan tanah ke anak Sungai Isos semasa kerja-kerja tanah oleh Syarikat All Green Sdn. Bhd. dan kesannya sebahagian sungai telah tertimbus seperti di **Gambar 1.14**.



**Gambar 1.14**

Anak Sungai Isos Tertimbus

Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Syarikat All Green, Tanah Tinggi Lojing

Tarikh: 15 September 2015

**1.4.3.5.** Pencemaran air sungai ialah perubahan yang berlaku kepada air sama ada dari segi kandungan, warna serta sifat-sifat kimia disebabkan oleh pelbagai bahan pencemar dalam pelbagai bentuk seperti pepejal, cecair dan gas. Bahan-bahan tersebut mengalir atau memasuki sungai berpunca daripada pelbagai kegiatan termasuk dalam bidang pertanian.

- Semakan Audit mendapati punca utama pencemaran sungai di Tanah Tinggi Lojing disebabkan pembukaan dan pembangunan guna tanah untuk pertanian dibuat tanpa kawalan mengakibatkan hakisan dan perubahan kepada rejim hidrologi. Kegiatan tersebut menghasilkan bahan-bahan seperti lumpur, pokok dan tumbuhan yang tumbang ke dalam sungai dan mengalami pereputan menyebabkan air sungai menjadi keruh. Kandungan Pepejal Terampai dalam air yang tinggi serta melebihi piawai yang ditetapkan boleh menyebabkan pencemaran sungai dengan kelodak dan lumpur seperti di **Gambar 1.15** dan **Gambar 1.16**. Selain itu, sungai mengalami kekeruhan menyebabkan terhalang pancaran cahaya matahari sampai ke dasar

sungai serta mengancam hidupan akuatik dan tumbuhan dalam air. Sumber air dari sungai di Tanah Tinggi Lojing yang mengandungi pepejal terampai yang tinggi mengalir ke hiliran sungai dan seterusnya ke sungai utama iaitu Sungai Kelantan.

**Gambar 1.15**  
**Sungai Kelihatan Keruh**  
**Selepas Hujan**



Sumber: Jabatan Alam Sekitar Cawangan Gua Musang  
Lokasi: Sungai Pelau'ur Di Kawasan Syarikat Multi System Sdn. Bhd.  
Tarikh: 5 Julai 2015

**Gambar 1.16**  
**Kelodakan Menyebabkan**  
**Air Sungai Menjadi Keruh**



Sumber: Jabatan Alam Sekitar Cawangan Gua Musang  
Lokasi: Sungai Isos Di Kawasan Syarikat Liquid Gold Sdn. Bhd.  
Tarikh: 5 Julai 2015

- b. Pihak Audit telah memeriksa rekod-rekod di Jabatan Alam Sekitar berkaitan dengan ujian yang telah dibuat bagi menentukan kualiti air. Terdapat 4 parameter utama yang diuji oleh Jabatan Kimia Cawangan Perak ialah kandungan SS (Pepejal Terampai), kandungan BOD (Permintaan Oksigen Biokimia), kandungan COD (Permintaan Oksigen Kimia) dan kandungan Nitrogen Ammonia (NA) bagi 6 batang sungai di Tanah Tinggi Lojing. Ujian ini adalah berdasarkan pensampelan air di Hiliran Sungai (Downstream) yang diambil oleh JAS Cawangan Gua Musang pada bulan April 2014 dan bulan Mei 2015. Hasil ujian sampel air tersebut mendapati perkara berikut:
- Had-had Parameter Bagi Efluen Piawai kandungan Pepejal Terampai dalam air mengikut Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan Dan Efluen-Efluen Perindustrian) 1979 adalah tidak melebihi 50 mg/l. Bagaimanapun semakan Audit terhadap keputusan analisis yang dibuat oleh Jabatan Kimia bagi 6 batang sungai berkenaan mendapati kandungan Pepejal Terampai dalam air bagi bulan April 2014 adalah antara 191 mg/l dan 1,114 mg/l. Walaupun keputusan analisis bagi sampel yang diambil pada bulan Mac 2015 adalah bertambah baik berbanding tahun 2014 iaitu antara 75 mg/l dan 602 mg/l tetapi ianya masih melebihi had maksimum parameter. Kedudukan adalah sebagaimana di **Jadual 1.2**.

**Jadual 1.2**  
**Keputusan Analisis Kandungan SS (Pepejal Terampai)**  
**Dalam Air Di Enam 6 Batang Sungai Tanah Tinggi Lojing**

Bil.	Nama Sungai	Had Parameter (Maksimum) Bagi SS (mg/l)	Keputusan Sampel Pada 08.04.14 (mg/l)	Keputusan Sampel Pada 25.03.15 (mg/l)
1.	Belatop	50	884	183
2.	Jelai	50	377	97
3.	Kenrew	50	1,114	602
4.	Pelau'ur	50	191	75
5.	Isos	50	1,034	137
6.	Penangau	50	584	430

Sumber: JAS Cawangan Gua Musang dan Jabatan Kimia Cawangan Perak

- ii. Had-had Parameter Efluen Piawai bagi BOD, COD dan NA mengikut Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan Dan Efluen-Efluen Perindustrian) 1979 masing-masing 20mg/l, 50mg/l dan 5mg/l. Hasil analisis Jabatan Kimia Cawangan Perak mendapati kandungan BOD, COD dan NA masih di bawah paras parameter yang rendah dan tidak sampai ke tahap merbahaya kepada alam sekitar. Keputusan analisis Jabatan Kimia adalah seperti **Jadual 1.3**.

**Jadual 1.3**  
**Keputusan Analisis Kandungan BOD, COD Dan NA Dalam Air**  
**Di Enam Batang Sungai Tanah Tinggi Lojing**

Bil.	Nama Sungai	Had-had Parameter (Maksimum) (mg/l)			Sampel 25.03.2015 Parameter (mg/l)			Sampel 08.04.2014 Parameter (mg/l)		
		BOD	COD	NA	BOD	COD	NA	BOD	COD	NA
1.	Belatop	20	50	5	<1.4	<0.58	0.10	1.50	8.30	0.05
2.	Jelai	20	50	5	<1.4	<0.58	0.03	<1.4	5.50	0.06
3.	Kenrew	20	50	5	<1.4	<0.58	0.08	<1.4	2.20	0.45
4.	Pelau'ur	20	50	5	<1.4	<0.58	0.06	<1.4	6.30	0.03
5.	Isos	20	50	5	<1.4	<0.58	0.04	1.90	8.00	0.10
6.	Penangau	20	50	5	<1.4	<0.58	0.03	<1.4	8.10	0.07

Sumber: JAS Cawangan Gua Musang dan Jabatan Kimia Cawangan Perak

**1.4.3.6. Mengikut maklum balas PTG semasa Exit Conference pada 7 Oktober 2015, PTG memaklumkan bahawa sebanyak 8 batang sungai (Sg.) di TTL iaitu, Sg. Berok, Sg. Penangau, Sg. Jerok, Sg. Belatop, Sg. Dengkong, Sg. Mengerod, Sg. Ber dan Sg. Mering telah diwartakan pada 9 Oktober 2014 (No. 2402). Pewartaan ini melibatkan rizab kedua-dua belah tebing sungai dengan kelebaran antara 5 hingga 50 meter. Pewartaan ini membolehkan tindakan diambil terhadap sebarang pencerobohan melibatkan rizab sungai.**

Pada pendapat Audit, pihak JPS perlu meningkatkan pengawalan pencerobohan rizab sungai bagi sungai yang telah diwartakan seperti Sg. Belatop dan Sg. Berok. Tindakan penguatkuasaan secara bersepada dengan Agensi Kerajaan seperti PTG, MDGM, PTJKL, JAS dan Polis Di Raja Malaysia hendaklah dilaksanakan secara berkala.

#### 1.4.4. Syarat-syarat kelulusan EIA tidak dipatuhi

**1.4.4.1.** Mengikut syarat-syarat EIA pembukaan kawasan pertanian perlu menitikberatkan kepada kawalan hakisan, kawalan kerja tanah dan penstabilan cerun. Kawalan hakisan meliputi kerja-kerja penstabilan tanah sementara dan kawasan terdedah di mana kerja-kerja tanah telah selesai hendaklah ditutup dalam tempoh 14 hari. Kawalan kerja tanah pula menetapkan supaya tanah-tanah berlebihan (*over burden*) hendaklah ditentukan lokasi pelupusannya, dikawal dengan pemampatan, ditanam tanaman tutup bumi dan dibina benteng di sekelilingnya. Penggunaan jentera berat seperti *excavator* dan *bulldozer* tidak dibenarkan. Manakala bagi menstabilkan cerun perlu kepada pembinaan cerun bertingkat. Bagi menjamin pematuhan syarat-syarat di atas, syarikat mesti melantik seorang *Environmental Officer (EO)* untuk menyelia kerja-kerja kawalan hakisan dan sedimen di tapak.

**1.4.4.2.** Pihak Audit mendapati kelima-lima syarikat tidak mematuhi kesemua syarat EIA di atas. Kawasan projek dibiarkan terdedah tanpa ditanam tanaman tutup bumi, permukaan cerun yang telah siap tidak ditutup dengan plastik atau rumput tutup bumi. Selain itu kawalan air larian permukaan tidak dibuat dengan menyediakan longkang konkrit dan jalan ladang tidak diturap dengan simen. Cerun-cerun dan jalan ladang dibuat menggunakan jentera berat dan cerun tidak dibuat secara bertingkat. Contoh ketidakpatuhan kepada EIA adalah seperti **Gambar 1.17** hingga **Gambar 1.20**.

**Gambar 1.17**  
Penggunaan Jentera Berat



Sumber: Jabatan Alam Sekitar Cawangan Gua Musang  
Lokasi: Syarikat Acomax Holding Sdn. Bhd.  
Tarikh: 5 Julai 2015

**Gambar 1.18**  
Penolakan Tanah Ke Alur Sungai Semasa Kerja-Kerja Tanah



Sumber: Jabatan Alam Sekitar Cawangan Gua Musang  
Lokasi: Alur Sg. Belatop di kawasan projek Syarikat Liquid Gold Sdn. Bhd.  
Tarikh: 5 Julai 2015

**Gambar 1.19**  
**Perlindungan Cerun Tidak Dibuat**



Sumber: Jabatan Audit Negara Negeri Kelantan  
Lokasi: Syarikat Acomax Holding Sdn. Bhd.  
Tarikh: 11 Ogos 2015

**Gambar 1.20**  
**Sebahagian Cerun Dibuat Perlindungan**



Sumber: Jabatan Audit Negara Negeri Kelantan  
Lokasi: Syarikat Multi System Sdn. Bhd.  
Tarikh: 15 September 2015

**1.4.4.3.** Pihak Audit mendapati salah satu punca ketidakpatuhan kepada syarat EIA ialah pemilik tanah yang diberi kelulusan EIA tidak mengawal aktiviti pembangunan yang dilakukan oleh penyewa tanah. Mengikut penjelasan daripada pihak JAS, penyewa tidak didedahkan dengan syarat-syarat EIA oleh pemilik. Pihak JAS telahpun berusaha memberi pendedahan kepada pemilik dan penyewa melalui seminar. Bagaimanapun usaha ini tidak mendapat sambutan. Pihak Audit juga mendapati kelima-lima syarikat tidak melantik *Environmental Officer (EO)* bagi menjalankan tugas penyeliaan.

**1.4.4.4.** Akibat kepada ketidakpatuhan syarat EIA maka berlakulah hakisan cerun, sisasisa tanah daripada cerun masuk ke sungai, alur sungai telah ditimbul oleh sisa-sisa tanah, hakisan dan kelodakan menyebabkan sungai dan alur sungai menjadi keruh. Tanpa pembinaan kolam perangkap mendap sungai menerima beban lumpur hasil daripada kerja tanah dan mencemarkan kualiti air sungai berdekatan seperti berlaku di Sg. Belatop, Sg. Berok dan Sg. Pelau’ur.

**1.4.4.5. Mengikut maklum balas JAS semasa *Exit Conference* pada 7 Oktober 2015, JAS mengambil maklum tentang teguran Audit dan telah melaksanakan pemantauan dan penguatkuasaan secara berjadual.**

Pada pendapat Audit, JAS hendaklah memastikan syarat-syarat EIA dipatuhi sepenuhnya. Pemantauan dan penguatkuasaan secara berterusan perlu dilakukan dan mengambil tindakan serta-merta terhadap pelanggaran mana-mana syarat EIA.


#### **1.4.5. Pencerobohan Kawasan Hutan**

**1.4.5.1.** Mengikut Subseksyen 32(1) Akta Perhutanan Negara 1984 (Akta 313), (Pindaan 1993) menyatakan tiada seorang pun boleh menduduki atau menjalankan apa-apa aktiviti atas mana-mana tanah dalam kawasan hutan simpan kekal (HSK), melainkan jika terdapat permit penggunaan yang dikeluarkan oleh Pengarah Perhutanan Negeri

sebagaimana Seksyen 34, Akta yang sama bagi menjalankan sebarang aktiviti termasuk penanaman sayur berdasarkan kesesuaianya.

**1.4.5.2.** Hasil daripada cerapan imej yang dilakukan oleh ARSM terhadap kelima-lima kawasan tanah milikan tersebut mendapati sejumlah 38.44 ha telah diceroboh dengan binaan *rain shelter* yang ditanam pokok bunga dan sayuran oleh Syarikat Multi System Sdn. Bhd. dan Syarikat All Green Agritech Sdn. Bhd. Lawatan Audit bersama Pegawai ARSM ke tanah milik tersebut pada 15 September 2015 mendapati kawasan HSK Lojing dan tanah Kerajaan yang berdekatan tanah miliknya telah diceroboh. Cerapan imej menunjukkan tanaman tersebut telah melangkaui kawasan yang diluluskan memasuki kawasan HSK Lojing (kawasan bertanda A), tanah kerajaan (kawasan bertanda B) dan tanah milik agensi kerajaan (kawasan bertanda C) seperti **Imej 1.3** dan **Imej 1.4** serta **Gambar 1.21** dan **Gambar 1.22**.

Imej 1.3  
Kawasan HSK Diceroboh




Sumber: Agensi Remote Sensing Malaysia  
Lokasi: Tanah Milik Syarikat Multi System Sdn. Bhd.  
Tarikh: 17 Januari 2015

Petunjuk:

Kawasan Yang Dicerobohi

**Imej 1.4**  
**Kawasan HSK Diceroboh**



Sumber: Agensi Remote Sensing Malaysia  
Lokasi: Tanah Milik Syarikat All Green Sdn. Bhd.  
Tarikh: 17 Januari 2015

Petunjuk:

Kawasan Yang Diceroboh

**Gambar 1.21**  
**Kawasan HSK Yang Diceroboh**



Sumber: Jabatan Audit Negara Kelantan  
Lokasi: HSK Lojing  
Tarikh: 15 September 2015

**Gambar 1.22**



Sumber: Jabatan Audit Negara Kelantan  
Lokasi: HSK Lojing  
Tarikh: 15 September 2015

**1.4.5.3.** Keadaan ini berlaku disebabkan Jabatan Perhutanan tidak menyedari wujudnya pencerobohan terhadap HSK. Selain itu, tidak ada bukti wujudnya kerjasama dari segi penyaluran maklumat antara agensi-agensi yang mempunyai kelengkapan pemantauan bagi tujuan penguatkuasaan.

**1.4.5.4.** Mengikut maklum balas JPNK semasa *Exit Conference* pada 7 Oktober 2015, JPNK memaklumkan pihaknya telah mengenalpasti kawasan HSK Lojing berdasarkan imej 1.3 yang telah diceroboh adalah meliputi 3 kompartmen iaitu, 64, 63 dan 62 dengan keluasan lebih kurang 7 ha. JPNK telah mengadakan pemeriksaan di lapangan dan menyerahkan notis pengosongan kepada pengusaha yang menceroboh untuk mengosongkan kawasan tersebut bertarikh 7 Oktober 2015. Baki seluas 31.44 ha lagi yang diceroboh adalah melibatkan tanah milik dan tanah Kerajaan.

Pada pendapat Audit, Jabatan Perhutanan perlu menjalankan pemantauan secara rutin dari semasa ke semasa terhadap HSK supaya pencerobohan hutan dapat dikawal dan seterusnya mengambil tindakan bagi mengelak pencerobohan dari terus berlaku. Bagi tanah Kerajaan, pemantauan hendaklah dijalankan oleh pihak PTG.

#### **1.4.6. Penggunaan Racun Makhluk Perosak Yang Tidak Mematuhi Piawaian**

**1.4.6.1.** Racun makhluk perosak yang digunakan dalam bidang pertanian adalah merupakan satu kaedah untuk mengawal dan mengatas masalah serangan perosak tanaman. Perosak tanaman yang selalu menyerang tanaman adalah seperti serangga, kulat, penyakit tanaman dan rumput. Racun makhluk perosak diklasifikasikan kepada 5 kelas berdasarkan kemudaratannya kepada pengguna. Setiap kelas dibezakan pita warna bermula warna hitam untuk 1a dan diakhiri warna putih untuk kelas IV seperti **Jadual 1.4**.

**Jadual 1.4**  
**Kelas Racun Dan Tahap Kemudaratkan Kepada Pengguna**

Kelas	Perihal	Tahap	Pita Warna
1a	Jalur Hitam Dengan Simbol Tengkorak Dan Tulang Bersilang	Tersangat Beracun <i>(Very Toxic)</i>	[Solid Black Box]
1b	Jalur Merah Dengan Simbol Tengkorak Dan Tulang Bersilang	Sangat Beracun <i>(Toxic)</i>	[Solid Red Box]
II	Jalur Kuning	Beracun <i>(Harmful)</i>	[Solid Yellow Box]
III	Jalur Biru	Merbahaya <i>(Caution)</i>	[Solid Blue Box]
IV	Jalur Putih		[Empty Box]

Sumber: Jabatan Pertanian

**1.4.6.2.** Penggunaan racun yang tidak mematuhi Amalan Pertanian Baik (APB) seperti kadar bantahan, kekerapan penggunaan dan tidak mengikut label racun yang disyorkan akan menyebabkan lebihan residu racun makhluk perosak dalam tanaman. Lebihan residu racun makhluk perosak seperti yang ditetapkan dalam *Maximun Residue Limit* (MRL) akan menyebabkan hasil ladang tidak selamat dimakan dan membahayakan kesihatan pengguna.

**1.4.6.3.** Pemeriksaan Audit di Jabatan Pertanian Negeri Kelantan dan lawatan ke Tanah Tinggi Lojing mendapatkan perkara berikut:

- a. Jabatan Pertanian Negeri hanya memantau tahap penggunaan racun oleh pengusaha di ladang projek di bawah kelolaan Jabatan Pertanian Negeri sahaja. Ladang tersebut adalah di bawah projek Tanaman Kekal Pertanian Makanan (TKPM) yang diusahakan di TTL.
- b. Sampel hasil pertanian oleh pengusaha projek tersebut telah dibuat analisis oleh Unit Makmal Residu Wilayah Timur, Bahagian Kawalan Racun Perosak. Keputusan ujian menunjukkan bahawa kadar penggunaan racun seorang pengusaha melebihi MRL yang ditetapkan. Sampel yang diambil pada bulan Julai 2014 terhadap tanaman kacang buncis mendapatkan penggunaan racun Dithiocarbamate (racun kulat) sebanyak 15.23 mg/kg berbanding tahap yang dibenarkan sebanyak 2.0 mg/kg iaitu melebihi 661.50%. Pengusaha menggunakan racun yang berlabel warna kuning dan biru iaitu racun tahap beracun dan merbahaya.
- c. Lawatan Audit bersama Pegawai Pertanian Gua Musang ke stor pembungkusan/pengredan dan stor peralatan pertanian salah satu pengusaha ladang pertanian pada 12 Ogos 2015 mendapatkan pengusaha menyimpan racun kelas II. Pengusaha memaklumkan kepada Pegawai Pertanian berkenaan bahawa racun tersebut digunakan sebagai racun perosak di ladang yang diusahakan. Mengikut penjelasan daripada Pegawai Pertanian hanya racun kelas IV sahaja yang dibenarkan untuk digunakan terhadap sayur-sayuran. **Gambar 1.23** dan **Gambar 1.24** adalah racun yang ada disimpan di stor berkenaan.

**Gambar 1.23**  
**Racun Kelas II Label Kuning**  
**Digunakan Untuk Tanaman**



Sumber: Jabatan Audit Negara Negeri Kelantan  
Lokasi: Stor Racun Penyewa Syarikat Multi System Sdn. Bhd.  
Tarikh: 12 Ogos 2015

**Gambar 1.24**  
**Pengusaha Diberi Penerangan**  
**Penggunaan Racun Oleh Pegawai Pertanian**



Sumber: Jabatan Audit Negara Negeri Kelantan  
Lokasi: Stor Racun Penyewa Syarikat Multi System Sdn. Bhd.  
Tarikh: 12 Ogos 2015

Pada pendapat Audit, memandangkan pertanian merupakan aktiviti utama di TTL, penggunaan racun makhluk perosak oleh pengusaha pertanian hendaklah kerap dipantau oleh Jabatan Pertanian Negeri. Pengambilan dan analisis terhadap sampel pertanian hendaklah kerap dilakukan dan sekiranya berlaku penyalahgunaan racun makhluk perosak dengan perlanggaran *Maximun Residue Limit* 3 kali secara berterusan, Jabatan Pertanian Negeri dengan kerjasama Jabatan Kesihatan hendaklah mengambil tindakan undang-undang terhadap pengusaha terlibat.

#### 1.4.7. Pemantauan Dan Penguatkuasaan Kurang Berkesan

**1.4.7.1.** Bagi memastikan kualiti alam sekitar terpelihara, Kerajaan Negeri telah menubuhkan 2 Jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Kerja Pemantauan Tanah Tinggi Lojing (JKPTTL) yang perlu bermesyuarat 3 kali setahun dipengerusikan oleh Pengarah UPEN dan Jawatankuasa Penguatkuasaan Pembangunan Tanah Tinggi Lojing (JPPTTL) dipengerusikan oleh Pengarah PTG. Kedua-dua Jawantankuasa ini dianggotai oleh Pejabat Tanah dan Galian Negeri, Majlis Daerah Gua Musang, Pejabat Tanah dan Jajahan Kecil Lojing, Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Perhutanan dan Jabatan Pengairan dan Saliran. JKPTTL berfungsi sebagai mengurus khidmat penyampaian dan pemantauan pembangunan tanah tinggi lojing. JPPTTL berfungsi mengambil tindakan ke atas pencerobohan tanah-tanah kerajaan, mengerakkan jabatan berkaitan menguatkuasakan undang-undang/akta masing-masing, memastikan syarat-syarat kelulusan oleh UPEN dipatuhi dan pengusaha ladang yang merosakkan alam sekitar diarah membuat remedii dan jika ingkar tindakan akan diambil.

**1.4.7.2.** Pihak Audit mendapati bagi tahun 2013 hingga September 2015, pemantauan dan penguatkuasaan hanya dilaksanakan sekali sahaja iaitu operasi pada 1 hingga 3 Disember 2014. Operasi penguatkuasaan bersepada ini hanya tertumpu kepada pencerobohan tanah kerajaan seperti rizab jalan dan sungai sahaja. Tindakan tegas telah

diambil dengan penahanan seorang penceroboh, memusnahkan tanaman, binaan bangsal dan menyita.

**1.4.7.3.** Di kalangan agensi-agensi yang terlibat dalam pemantauan dan penguatkuasaan, pihak Audit mendapati hanya JAS yang melaksanakan pemantauan dan penguatkuasaan secara berjadual bagi tempoh 2013 sehingga Ogos 2015. **Jadual 1.5** menunjukkan statistik pemantauan udara dan penguatkuasaan EIA di lojing. JAS telah mengeluarkan sebanyak 5 perintah larangan dan 19 tindakan mahkamah terhadap pengusaha yang melanggar EIA. MDGM juga ada melaksanakan pemantauan iaitu sekali pada tahun 2013, 6 kali pada tahun 2014 dan 3 kali pada tahun 2015. Bagaimanapun penguatkuasaan terhadap syarat kebenaran merancang tidak dilaksanakan oleh MDGM. Pihak Audit tidak menemui bukti yang menunjukkan agensi-agensi lain memainkan peranan dalam pemantauan dan penguatkuasaan mengikut undang-undang/akta masing-masing.

**Jadual 1.5**  
**Statistik Pemantauan Udara Dan Penguatkuasaan EIA**

Perkara	2013	2014	Sehingga 24 Ogos 2015
Pemantauan Udara	4	13	5
Penguatkuasaan (Pemeriksaan)	65	54	62
Perintah Larangan	1	4	0

Sumber: Laporan Pemantauan Jabatan Alam Sekitar

**1.4.7.4.** Hasil lawatan Audit ke Syarikat Liquid Gold Sdn. Bhd. pula mendapati kerja-kerja tanah masih dijalankan walaupun perintah larangan/perintah berhenti kerja di bawah Seksyen 34AA(3) Prosedur Tetap Operasi Bagi Tindakan Perintah Larangan, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 bertarikh 21 Mei 2014 telah dikeluarkan oleh JAS seperti di **Gambar 1.25**.



**Gambar 1.25**  
**Penggunaan Jentera Berat**

Sumber: Jabatan Audit Negara Negeri Kelantan  
Lokasi: Syarikat Liquid Gold Sdn. Bhd.  
Tarikh: 15 September 2015

**1.4.7.5. Mengikut maklum balas PTG bertarikh 5 Oktober 2015, PTG telah mula mengambil tindakan di bawah Seksyen 127 KTN berkaitan pelucutuhak kerana pelanggaran syarat terhadap 3 pemilik tanah iaitu, Syarikat Multi System Sdn. Bhd., Syarikat Liquid Gold Sdn. Bhd., dan Syarikat All Green Sdn. Bhd., mulai tahun 2015.**

**Sebanyak 4 notis tunjuk sebab (notis 7E) telah dikeluarkan kepada pemilik tanah tersebut bermula bulan Februari 2015 hingga April 2015.**

**1.4.7.6. Mengikut maklum balas PTG bertarikh 13 Oktober 2015, sebanyak 4 notis tunjuk sebab (notis 7E) telah dikeluarkan kepada pemilik tanah tersebut yang telah melanggar syarat di bawah Seksyen 115(1)(c) KTN kerana gagal menanam keseluruhan kawasan tanah dengan tanaman pertanian dalam tempoh 3 tahun dari tarikh diberi milik. Manakala Seksyen 115(1)(d) KTN kerana gagal mematuhi kaedah dan peraturan yang sempurna mengenai pertanian iaitu tanpa kelulusan EIA dari Jabatan Alam Sekitar, Laporan ESCP kelulusan pelan kerja tanah (KM) daripada PBT, tidak mematuhi garis panduan pertanian di tanah bercerun dan persijilan Ladang Malaysia bagi amalan pertanian baik daripada Jabatan Pertanian, mananya peraturan atau standard yang diiktiraf berkaitan dengan pembangunan tanah pertanian serta telah membina rumah-rumah kediaman pekerja tanpa kelulusan di bawah Akta Standard Minimum Perumahan Dan Kemudahan Pekerja 1990 (Akta 466).**

Pada pendapat Audit, pemantauan dan penguatkuasaan adalah tidak mencukupi. JPPTTL dan MDGM hendaklah meningkatkan tahap pemantauan dan penguatkuasaan dengan mengambil tindakan yang lebih tegas bagi memastikan aktiviti pertanian dibangunkan mengikut kelulusan yang diberi serta tidak memudaratkan alam sekitar.

## **1.5. SYOR AUDIT**

Bagi memastikan keseluruhan aktiviti pertanian di Tanah Tinggi Lojing terkawal dan kes-kes pelanggaran syarat yang ditetapkan tidak berterusan, semua agensi terbabit seperti PTG, MDGM, PTJKL, JAS, JPS, Jabatan Pertanian, Jabatan Perhutanan perlu menjalankan pemantauan secara berkala dan mengambil tindakan tegas terhadap pengusaha ladang yang tidak mematuhi syarat yang ditetapkan dalam setiap aktiviti guna tanah di Tanah Tinggi Lojing. Pihak Audit mengesyorkan perkara berikut:

**1.5.1.** PTG hendaklah merampas tanah yang diberi milik jika didapati pengusaha ladang mengingkari syarat-syarat yang ditetapkan. PTG hendaklah tidak memberi milik tanah-tanah yang ketinggian melebihi 1,000 mpl dan berkecerunan lebih 25° selaras dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Tanah Tinggi Lojing Bil. 2/2014.

**1.5.2.** MDGM perlu mengambil tindakan selaras dengan peruntukan di bawah Sek. 27 (6), Akta Perancang Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172) yang menghendaki pengusaha menghentikan aktiviti pertanian selepas menerima Notis Menghentikan Kerja tanpa Kebenaran Merancang (Borang G). Tindakan mahkamah hendaklah diambil terhadap pengusaha pertanian yang ingkar.

**1.5.3.** JPS perlu mengenalpasti semua anak sungai di kawasan Lojing dengan mewartakannya dan mengambil tindakan ke atas pengusaha yang melakukan pencerobohan rizab sungai / mencemari sungai. Sementara, Jabatan Pertanian perlu mengawal penggunaan racun perosak pada tanaman makanan.

**1.5.4.** Jabatan Perhutanan perlu memastikan kawasan HSK tidak diceroboh dan mengambil tindakan undang-undang terhadap penceroboh yang dikenal pasti. Jabatan Perhutanan hendaklah menggunakan sepenuhnya kemudahan *remote sensing* bagi memastikan kawasan yang diusahakan tidak melebihi kelulusan yang dibenarkan dan HSK di sekitarnya tidak dicerobohi.

---

## **MAJLIS AGAMA ISLAM DAN ADAT ISTIADAT MELAYU KELANTAN**

---

### **2. PENGURUSAN HARTANAH WAKAF**

#### **2.1. LATAR BELAKANG**

**2.1.1.** Amalan wakaf merupakan salah satu ibadah yang berbentuk sedekah jariah yang amat dituntut dalam Islam dan menjanjikan ganjaran pahala yang berterusan kepada pewakaf selagi harta yang diwakafkan itu dimanfaatkan. Maka, setiap harta wakaf perlulah dijaga dan diurus dengan sebaik mungkin bagi menatihahkan hasil sebagaimana yang diniatkan oleh pewakaf. Dalam konteks Negara Malaysia, pihak berkuasa Agama Islam negeri merupakan pemegang amanah tunggal bagi wakaf di negeri masing-masing. Sehubungan itu, Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) yang ditubuhkan di bawah Enakmen 4 Tahun 1994 adalah badan yang bertanggungjawab untuk mengurus dan mentadbir segala harta pewakafan orang Islam di Negeri Kelantan. Dalam enakmen tersebut turut menyatakan bahawa sesiapa yang menggunakan harta wakaf tanpa kebenaran boleh disabitkan kesalahan dengan denda tidak melebihi RM2,000 atau penjara tidak melebihi setahun atau kedua-duanya.

**2.1.2.** Pengertian wakaf ialah sebarang harta yang ditahan hak pewakaf ke atas harta tersebut daripada sebarang urusan jual beli, pewarisan, hibah dan wasiat di samping mengekalkan sumber fizikalnya ('ain). Manfaat harta yang diwakafkan adalah untuk kebajikan umum atau khusus (yang ditetapkan) dengan niat untuk mendekatkan diri pewakaf kepada Allah S.W.T. Pendapatan, perolehan atau manfaat daripada harta wakaf itu perlu dibelanjakan untuk kebaikan dan kebajikan sebagai pendampingan diri pewakaf kepada Allah S.W.T. Dengan sebab itu, harta tersebut tidak lagi menjadi milik pewakaf, tidak boleh diambil kembali dan tidak boleh dimiliki oleh sesiapa. Secara umumnya wakaf terbahagi kepada 2 iaitu:

**i. Wakaf Ahli/Zurri (wakaf keluarga)**

Wakaf yang dikhurasukan manfaatnya kepada ahli keluarga dan keturunan pewakaf.

**ii. Wakaf Khairi (wakaf kebajikan)**

Wakaf khairi terbahagi kepada wakaf am dan wakaf khas. Wakaf am adalah suatu wakaf yang diwujudkan bagi maksud khairat umum mengikut hukum syarak, seperti untuk kegunaan keagamaan atau pembangunan ekonomi umat Islam yang boleh dijalankan melalui pelbagai aktiviti menurut hukum syarak. Manakala wakaf khas pula merupakan suatu wakaf yang diwujudkan bagi maksud khairat tertentu mengikut hukum syarak, seperti mewakafkan tanah atau hasil (manfaat) daripada tanah berkenaan

untuk tapak masjid, surau, sekolah, rumah anak yatim, ahli keluarga dan lain-lain yang dikhkususkan oleh pewakaf.


**2.1.3.** Berdasarkan data Sistem Bank Tanah MAIK, sehingga tahun 2014 terdapat seluas 753.87 ekar tanah wakaf yang ditadbir oleh MAIK dengan nilai RM127.11 juta. Jumlah ini terdiri daripada 54.52 ekar tanah wakaf am, 500.20 ekar tanah wakaf khas dan 199.15 ekar tanah wakaf zurri. Maklumat terperinci mengenai keluasan tanah wakaf mengikut jenis wakaf, jajahan yang terlibat dan jenis kegunaan adalah seperti di **Jadual 2.1** dan **Carta 2.1** berikut. Sebahagian besar tanah wakaf khas merupakan tanah wakaf kubur iaitu seluas 220.61 ekar, tanah wakaf masjid dengan keluasan 113.57 ekar, tanah wakaf sekolah agama/pondok tahfiz seluas 42.84 ekar dan selebihnya 123.18 ekar merupakan lain-lain wakaf khas.

**Jadual 2.1**  
**Keluasan Tanah Wakaf MAIK Mengikut Jenis Dan Jajahan**

Bil.	Jajahan	Tanah Wakaf Am (Ekar)	Tanah Wakaf Khas (Ekar)	Tanah Wakaf Zurri (Ekar)	Jumlah Keluasan (Ekar)
1.	Kota Bharu	22.22	204.96	139.82	367.00
2.	Pasir Mas	3.68	45.88	59.33	108.89
3.	Jeli	0.28	108.28	-	108.55
4.	Machang	6.17	38.44	-	44.61
5.	Tanah Merah	8.48	19.53	-	28.01
6.	Tumpat	2.93	17.65	-	20.59
7.	Pasir Puteh	5.37	16.35	-	21.73
8.	Bachok	2.03	19.51	-	21.54
9.	Kuala Krai	3.36	13.04	-	16.39
10.	Gua Musang	-	16.56	-	16.56
<b>Jumlah</b>		<b>54.52</b>	<b>500.20</b>	<b>199.15</b>	<b>753.87</b>

Sumber: Rekod MAIK

**Carta 2.1**  
**Keluasan Tanah Wakaf Mengikut Jenis Kegunaan**



Sumber: Rekod MAIK

## **2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan hartaanah wakaf MAIK telah diurus dengan teratur, cekap dan berkesan berlandaskan Enakmen serta mencapai matlamat yang ditetapkan.

## **2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

Pengauditan ini tertumpu pada hartaanah wakaf sedia ada, hartaanah yang telah dibangunkan, hartaanah yang dicadangkan untuk pembangunan serta hartaanah yang dibangunkan bagi tahun 2012 hingga 2014. Kaedah pengauditan pula adalah dengan memeriksa daftar dan Sistem Bank Tanah di MAIK, menyemak dokumen dan rekod berkaitan berdasarkan sampel yang dipilih. Perbincangan dan temu bual dengan pegawai MAIK yang bertanggungjawab serta lawatan fizikal ke 25 lot tanah wakaf juga dilaksanakan untuk mendapatkan maklumat dan melihat pencapaian projek pembangunan hartaanah wakaf. *Exit Conference* bersama Timbalan Yang Dipertua MAIK telah diadakan pada 7 Oktober 2015.

## **2.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga Ogos 2015 mendapati pengurusan hartaanah wakaf dari aspek pembangunan dan penyenggaraan tanah wakaf adalah memuaskan. Bagaimanapun dalam beberapa aspek yang lain masih kurang memuaskan dan memerlukan tindakan penambahbaikan seperti berikut:

- Maklumat hartaanah wakaf seperti keluasan, kegunaan semasa, tahun milik tanah dan nombor hak milik tidak lengkap dan kemas kini. Begitu juga harta wakaf tidak diwartakan.
- Kadar sewa bagi 184 penyewa tidak disemak sejak tahun 1999.
- Tunggakan sewa meningkat serta terdapat tanah-tanah wakaf telah diceroboh.
- Tanah wakaf berpotensi tetapi belum dibangunkan.

### **2.4.1. Maklumat Hartaanah Wakaf Tidak Lengkap Dan Kemas Kini**

**2.4.1.1.** Seksyen 62 (3) Enakmen 4 Tahun 1994 MAIK menghendaki MAIK menyediakan satu daftar mengenai wakaf di bawah kelolaannya. Oleh itu, Daftar Wakaf hendaklah disediakan dan diselenggara dengan lengkap dan kemas kini bagi memudahkan pemantauan oleh MAIK. Daftar wakaf MAIK diselenggarakan melalui Sistem Bank Tanah MAIK bertujuan untuk menjamin kecekapan pengurusan dan ketepatan maklumat dan data.

**2.4.1.2.** Pengauditan yang dijalankan terhadap Sistem Bank Tanah MAIK (SBTM) mendapati ianya tidak lengkap dan kemas kini. Contoh paparan SBTM seperti di **Rajah 2.1**. Analisis Audit berdasarkan 40 sampel mendapati menu seperti pelan tanah

dan geran tanah tidak dapat dipaparkan bagi kesemua sampel. Selain itu, maklumat tanah wakaf seperti keluasan, kegunaan semasa, tahun milik tanah dan nombor hak milik tidak lengkap seperti di **Jadual 2.2** berikut.

**Rajah 2.1**  
**Contoh Paparan Sistem Bank Tanah MAIK**

Sumber: Sistem Bank Tanah MAIK

**Jadual 2.2**  
**Maklumat Tidak Lengkap Dalam  
Sistem Bank Tanah MAIK Berdasarkan 40 Sampel**

Bil.	Menu Sistem Bank Tanah	Tidak Lengkap
1.	Pelan tanah dan geran	40
2.	Keluasan	10
3.	Kegunaan semasa	10
4.	Tahun milik tanah	20
5.	Nombor hak milik	6

Sumber: Jabatan Audit Negara

**2.4.1.3.** Perkara ini berlaku kerana tiada pegawai khusus/spesifik bagi tugas mengemas kini data memandangkan pegawai yang ditugaskan sekarang adalah pegawai gunasama antara Unit Wakaf dan Unit Baitulmal. Kesannya, maklumat berkaitan harta tanah wakaf tidak dapat diperolehi dengan cepat dan tepat apabila diperlukan terutamanya untuk tujuan pemantauan.

**2.4.1.4. Berdasarkan mesyuarat *Exit Conference* bersama MAIK bertarikh 7 Oktober 2015, pihak MAIK sentiasa mengambil tindakan mengemas kini data dari semasa ke semasa. Unit Wakaf MAIK telah mula mengemaskini data dengan memasukkan gambar dan pelan tanah ke dalam sistem. Selain itu, sistem akan**

dinaik taraf bagi membezakan antara tanah yang telah diletakkan di bawah kawalan MAIK ataupun bukan milik MAIK dan kini dalam tindakan Unit Teknologi Maklumat.

Pada pendapat Audit, pengurusan maklumat hartaanah wakaf adalah kurang memuaskan kerana terdapat maklumat yang tidak lengkap dalam Sistem Bank Tanah MAIK.

#### 2.4.2. Pengurusan Sewaan

Sewaan merupakan salah satu punca pendapatan yang diperolehi daripada hartaanah wakaf. Pengurusan sewa yang baik akan dapat menjamin punca pendapatan yang berterusan. Bagi tahun 2012 hingga 2014 jumlah pendapatan hasil sewa adalah RM357,154 seperti di **Jadual 2.3**. Hasil sewa hartaanah wakaf adalah terdiri daripada sewa tanah wakaf dan sewa rumah wakaf. Pergauditan yang dijalankan mendapati wujud kelemahan berkaitan kadar sewa dan tunggakan sewa. Maklumat penemuan Audit seperti di perenggan berikut:

**Jadual 2.3**  
**Hasil Sewa Hartanah Wakaf Bagi Tahun 2012 Hingga 2014**

Bil.	Jenis Sewaan	2012 (RM)	2013 (RM)	2014 (RM)	Jumlah (RM)
1.	Sewa Tanah Wakaf	88,281	82,697	67,140	238,118
2.	Sewa Rumah Wakaf	15,675	43,811	59,550	119,036
<b>Jumlah</b>		<b>103,956</b>	<b>126,508</b>	<b>126,690</b>	<b>357,154</b>

Sumber: Penyata Kewangan MAIK

##### 2.4.2.1. Kadar Sewa Tidak Disemak

- Kadar sewa sepatutnya dikaji dan disemak supaya relevan dengan keadaan semasa berdasarkan nilai tanah dan status taraf hidup penyewa. Pergauditan yang dijalankan mendapati keluasan tanah wakaf yang telah diberi sewa adalah seluas 56.60 ekar dengan 284 orang penyewa. Semakan Audit mendapati kadar sewa bagi 184 orang atau 64.8% adalah terlalu rendah dan tidak disemak semula sejak tahun 1999 seperti di **Jadual 2.4**.

**Jadual 2.4**  
**Tahun Kadar Sewa Tanah Wakaf Disemak**

Bil.	Tahun Disemak	Bil. Penyewa	Kadar Sewa Sekaki Persegi
1.	1999	184	3 sen hingga 7 sen
2.	2002	1	3 sen
3.	2003	79	5 sen hingga 30 sen
4.	2004	16	1 sen hingga 5 sen
5.	2010	1	30 sen
6.	2013	2	15 sen
7.	2014	1	15 sen
<b>Jumlah</b>		<b>284</b>	<b>-</b>

Sumber: Rekod MAIK dan Jabatan Audit Negara

- b. Kadar sewaan yang dikenakan adalah antara 1 sen hingga 30 sen sekaki persegi setahun kerana pada peringkat awal, tanah disewa oleh golongan miskin. Bagaimanapun tinjauan Audit ke rumah kediaman/premis penyewa mendapati status taraf hidup sebahagian penyewa telah berubah berdasarkan keadaan rumah/premis yang dibina seperti di **Gambar 2.1** hingga **Gambar 2.6**. Sebagai contoh, **Gambar 2.4** menunjukkan kedai gambar yang dibina di atas tanah wakaf yang disewakan pada kadar RM393.90 setahun atau RM32.82 sebulan.
- c. Keadaan ini berlaku kerana tiada tempoh tertentu yang ditetapkan oleh MAIK untuk menyemak kadar sewa yang dikenakan dan kurang pemantauan terhadap premis penyewa. Ini menyebabkan hasil sewaan MAIK rendah daripada yang sepatutnya.

**Gambar 2.1**

Rumah Penyewa Tanah Wakaf



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Lot 2080, 2081 dan 2082, Mukim Baung,  
Kota Bharu  
Tarikh: 4 Ogos 2015

**Gambar 2.2**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Lot 2080, 2081 dan 2082, Mukim Baung,  
Kota Bharu  
Tarikh: 4 Ogos 2015

**Gambar 2.3**

Tanah Wakaf Disewa Dijadikan Premis Perniagaan



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Lot 2080, 2081 dan 2082, Mukim Baung,  
Kota Bharu  
Tarikh: 4 Ogos 2015

**Gambar 2.4**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Lot 2080, 2081 dan 2082, Mukim Baung,  
Kota Bharu  
Tarikh: 4 Ogos 2015

**Gambar 2.5**  
**Tanah Wakaf Disewa Dijadikan Premis Perniagaan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Lot 2080, 2081 dan 2082, Mukim Baung,  
Kota Bharu  
Tarikh: 4 Ogos 2015

**Gambar 2.6**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Lot 2080, 2081 dan 2082, Mukim Baung,  
Kota Bharu  
Tarikh: 4 Ogos 2015

#### 2.4.2.2. Tuggakan Sewa Meningkat

- MAIK perlu menyediakan rekod sewa yang teratur selaku pemegang amanah tanah wakaf yang disewa. Berdasarkan perjanjian sewa, penyewa perlu membayar sewa sekali setahun. Jika tidak, MAIK boleh menamatkan perjanjian dan mengarahkan penyewa tersebut untuk berpindah.
- Jadual 2.5** menunjukkan pencapaian MAIK dalam mengutip tuggakan sewa tanah wakaf bagi tahun 2012 hingga 2014 berdasarkan 11 sampel lot tanah. Analisis Audit mendapati jumlah sewa yang berjaya dikutip semakin berkurangan setiap tahun di mana pada tahun 2012 kutipan sewa berjumlah RM83,959, berkurangan sebanyak 9.7% kepada RM75,854 pada tahun 2013 dan pada tahun 2014 berkurangan lagi sebanyak 10% kepada RM68,244. Prestasi kutipan tuggakan sewa berbanding tuggakan sewa terkumpul bagi tahun 2012 hingga 2014 adalah rendah iaitu dengan peratusan kutipan antara 25.2% hingga 35.1%.

**Jadual 2.5**  
**Tuggakan Dan Kutipan Sewa Tanah Wakaf**  
**Bagi Tahun 2012 Hingga 2014**

Tahun	Tuggakan Sewa (RM)	Kutipan Sewa	
		(RM)	(%)
2012	239,287	83,959	35.1
2013	251,334	75,854	30.2
2014	270,769	68,244	25.2
<b>Jumlah</b>	<b>-</b>	<b>228,057</b>	<b>-</b>

Sumber: Rekod MAIK dan Jabatan Audit Negara

- Semakan Audit selanjutnya mendapati sehingga 31 Disember 2014, terdapat 465 orang penyewa tanah wakaf MAIK bagi 11 lot tanah wakaf yang disewakan. Pengiraan Audit yang dibuat berdasarkan Buku Senarai Penyewa MAIK mendapati, terdapat tuggakan sewa berjumlah RM270,769 yang terdiri daripada 340 orang atau 73.1% penyewa seperti di **Jadual 2.6**. Amaun tuggakan sewa didapati meningkat

setiap tahun iaitu daripada RM239,287 pada tahun 2012 meningkat sebanyak 5% kepada RM251,334 pada tahun 2013 dan seterusnya meningkat sebanyak 7.7% kepada RM270,769 pada 2014.

**Jadual 2.6**  
**Tuggakan Sewa Tanah Wakaf Bagi Tahun 2012 Hingga 2014**

Bil.	Alamat Tanah	Jenis Wakaf	Bil. Penyewa	Penyewa Memiliki Tuggakan		Tuggakan Sewa		
				Bil.	Peratus (%)	2012 (RM)	2013 (RM)	2014 (RM)
1.	Lot 2080, 2081 dan 2082, Mukim Baung, Kota Bharu	Zurri	51	26	51.0	7,619	11,603	13,433
2.	Lot 12, Mukim Kedai Buluh, Kota Bharu	Zurri	17	13	76.5	3,264	2,303	3,871
3.	Lot 32, Seksyen 4, Kelochor Setia, Kota Bharu	Zurri	8	5	62.5	35,814	39,441	43,374
4.	Lot 140, Seksyen 1, Penambang, Kota Bharu	Zurri	6	4	66.7	1,356	2,919	3,632
5.	Lot 174, Seksyen 3, Kg. Sg. Keladi, Kota Bharu	Zurri	17	16	94.1	35,558	39,064	45,051
6.	Lot 284, Mukim Banggol, Kota Bharu	Khas	263	197	74.9	103,077	109,890	111,541
7.	Lot 464, Mukim Chekok, Kota Bharu	Khas	9	8	88.9	1,442	664	1,466
8.	Lot 401, Mukim Kedai Buloh, Kota Bharu	Khas	55	46	83.6	33,460	29,421	31,754
9.	Lot 516, Mukim Pulau Kundur, Jln. Kuala Besar, Kota Bharu	Khas	22	19	86.4	12,084	11,083	12,230
10.	Lot 1155, Mukim Pulau Pisang, Kota Bharu	Am	8	4	50.0	4,992	4,391	4,245
11.	Lot 922, Mukim Kasa, Pasir Mas	Am	9	2	22.2	621	555	172
<b>Jumlah</b>				<b>465</b>	<b>340</b>	<b>73.1</b>	<b>239,287</b>	<b>251,334</b>
								<b>270,769</b>

Sumber: Rekod MAIK dan Jabatan Audit Negara

- d. Analisis pengumuran tunggakan sewa pada 31 Disember 2014 menunjukkan tempoh tunggakan yang melebihi 6 tahun adalah merupakan jumlah tunggakan tertinggi iaitu sejumlah RM64,111 atau 23.7%. Manakala tunggakan untuk tempoh sehingga satu tahun mencatatkan kedua tertinggi iaitu sejumlah RM63,997 atau 23.6% seperti di **Jadual 2.7**.

**Jadual 2.7**  
**Pengumuran Tuggakan Sewa Pada 31 Disember 2014**

Bil.	Tempoh Tuggakan	Jumlah (RM)	Peratus (%)
1.	Hingga 1 tahun	63,997	23.6
2.	Lebih dari 1 hingga 2 tahun	41,721	15.4
3.	Lebih dari 2 hingga 3 tahun	31,786	11.7
4.	Lebih dari 3 hingga 4 tahun	26,560	9.8
5.	Lebih dari 4 hingga 5 tahun	23,256	8.6
6.	Lebih dari 5 hingga 6 tahun	19,338	7.1
7.	Lebih dari 6 tahun	64,111	23.7
<b>Jumlah</b>			<b>270,769</b>
			<b>100.0</b>

Sumber: Jabatan Audit Negara

- e. Keadaan ini berlaku kerana MAIK hanya menghantar notis peringatan kepada penyewa dan tiada tindakan tegas seperti menamatkan perjanjian sewa. Selain itu, dari segi rekod perakaunan, hasil sewa hanya akan direkod apabila ia diterima menyebabkan amaun tunggakan sewa tanah wakaf sukar dikenal pasti. Hasil kutipan sewaan MAIK yang semakin berkurangan menyebabkan tunggakan sewa meningkat setiap tahun dan seterusnya mengurangkan sumber pendapatan MAIK.

**2.4.2.3. Berdasarkan maklum balas daripada MAIK bertarikh 29 September 2015, pihak MAIK akan mewujudkan satu pasukan task force bagi membincangkan masalah berkaitan kadar dan tunggakan sewa. Penilaian semula kadar sewa dengan kadar semasa akan dilaksanakan terhadap semua penyewa tanah.**

Pada pendapat Audit, pengurusan sewa harta tanah wakaf adalah tidak memuaskan kerana kadar sewa tidak disemak dan tunggakan sewa yang semakin meningkat setiap tahun.

#### 2.4.3. Pencerobohan Tanah Wakaf

**2.4.3.1.** Pemantauan secara berkala perlu bagi memastikan tiada harta wakaf disalah guna, musnah, rosak atau diceroboh. Seksyen 111, Enakmen 4 MAIK Tahun 1994 menetapkan sesiapa yang menggunakan harta wakaf tanpa kebenaran boleh dikenakan denda tidak melebihi RM2,000 atau penjara tidak melebihi setahun atau kedua-duanya. Pihak Audit mendapati MAIK menjalankan pemantauan berdasarkan aduan yang diterima dan penguatkuasaan dijalankan dengan kerjasama daripada Pihak Pejabat Tanah Dan Jajahan berkaitan. Bagaimanapun tiada jadual pemantauan berkala disediakan dan tiada daftar untuk merekod bilangan pemantauan yang dilaksanakan. Terdapat 4 kes pencerobohan tanah wakaf kubur yang dikenal pasti berlaku pada tahun 2012 hingga 2014 seperti di **Jadual 2.8** dan **Gambar 2.7** hingga **Gambar 2.14**.

**Jadual 2.8  
Pencerobohan Tanah Wakaf**

Bil.	Alamat	Status Tanah	Jenis Pencerobohan	Tindakan oleh MAIK
1.	Lot 3248, Mukim Limau Hantu, Machang	Tanah Kubur	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 8 buah rumah telah dibina di atas tanah ini (7 rumah berpenghuni dan 1 rumah kosong).</li> <li>• Tanah ini telah diduduki semenjak sebelum tahun 2006 lagi. (pada waktu itu, tanah kubur ini adalah tanah rizab Kerajaan, bukan milik MAIK)</li> </ul>	Lawat siasat telah dijalankan pada Oktober tahun 2013 dan pada Mac 2014 MAIK telah memohon kerjasama daripada Pejabat Tanah Dan Jajahan Machang untuk tindakan selanjutnya.
2.	Lot 1547, Mukim Kg. Laut, Tumpat	Tanah Kubur	50 buah rumah telah didirikan di atas tanah rizab ini.	Lawat siasat telah dijalankan pada 2014 dan diserahkan kepada Pejabat Tanah Dan Jajahan Tumpat untuk tindakan selanjutnya.

Bil.	Alamat	Status Tanah	Jenis Pencerobohan	Tindakan oleh MAIK
3.	Lot 491 dan 492, Mukim Panchor, Kota Bharu	Tanah Kubur	Pembinaan rumah kediaman.	Rumah telah dirobohkan dengan kerjasama Pejabat Tanah Dan Jajahan Kota Bharu pada tahun 2014.
4.	Lot 48, Mukim Padang Enggang, Kota Bharu	Tanah Kubur	Terdapat gerai menjual makanan.	MAIK telah meletakkan papan tanda amaran larangan menceroboh pada Mac 2014 dan kini dalam cadangan untuk membina pagar.

Sumber: Rekod MAIK

**Gambar 2.7**  
**Pencerobohan Di Atas Tanah Wakaf Kubur**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Lot 3248, Mukim Limau Hantu, Machang  
Tarikh: 12 Ogos 2015

**Gambar 2.8**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Lot 3248, Mukim Limau Hantu, Machang  
Tarikh: 12 Ogos 2015

**Gambar 2.9**  
**Pencerobohan Di Atas Tanah Wakaf Kubur**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Lot 3248, Mukim Limau Hantu, Machang  
Tarikh: 12 Ogos 2015

**Gambar 2.10**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Lot 3248, Mukim Limau Hantu, Machang  
Tarikh: 12 Ogos 2015

**Gambar 2.11**  
**Pencerobohan Tanah Wakaf Kubur Telah Diambil Tindakan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Lot 491 dan 492, Mukim Panchor,  
Kota Bharu  
Tarikh: 4 Ogos 2015

**Gambar 2.12**  
**Pencerobohan Tanah Wakaf Kubur Telah Diambil Tindakan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Lot 491 dan 492, Mukim Panchor,  
Kota Bharu  
Tarikh: 4 Ogos 2015

**Gambar 2.13**  
**Tanah Wakaf Diceroboh Telah Diletak Papan Tanda Amaran**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Lot 48, Mukim Padang Enggang,  
Kota Bharu  
Tarikh: 4 Ogos 2015

**Gambar 2.14**  
**Tanah Wakaf Diceroboh Telah Diletak Papan Tanda Amaran**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Lot 48, Mukim Padang Enggang,  
Kota Bharu  
Tarikh: 4 Ogos 2015

**2.4.3.2.** Pencerobohan tanah wakaf yang berlaku di lot 48 dan lot 491/492 telah diatasi dengan membina papan tanda amaran dan merobohkan rumah. Manakala pencerobohan di 2 lagi tanah wakaf kubur iaitu lot 3248 dan lot 1547 belum dapat diatasi dan masih di peringkat perbincangan dengan Pejabat Tanah Dan Jajahan yang terlibat. Terdapat beberapa cadangan bagi penyelesaian kes pencerobohan antaranya ialah mengenakan sewaan tapak rumah memandangkan mereka telah lama berada di atas tanah berkenaan dan menjaga kebijakan bersama, meroboh rumah yang tak berpenghuni, ataupun denda mengikut seksyen 111.

**2.4.3.3.** Masalah pencerobohan berlaku disebabkankekangan kakitangan Bahagian Pemantauan di mana hanya seorang pegawai yang menjalankan tugas pemantauan untuk kesemua tanah wakaf di Negeri Kelantan. Pegawai yang sama turut bertanggungjawab menjalankan pemantauan bagi tanah yang berada di bawah Unit Baitulmal MAIK. Akibatnya, kes pencerobohan lambat dan sukar diatasi.

**2.4.3.4. Berdasarkan maklum balas daripada MAIK bertarikh 29 September 2015, pihak MAIK mengakui kekangan kakitangan menyebabkan pemantauan tanah hanya berdasarkan aduan dan tidak dibuat secara berkala. Pihak MAIK akan bekerjasama dengan imam mukim dan jajahan bagi memantau tanah MAIK.**

Pada pendapat Audit, tindakan terhadap kes pencerobohan tanah wakaf kurang memuaskan di mana terdapat kes pencerobohan lambat diatasi dan boleh menjaskankan nama baik MAIK selaku pemegang amanah tanah wakaf.

#### **2.4.4. Pembangunan Tanah Wakaf**

##### **2.4.4.1. Prestasi Pembangunan Tanah Wakaf**

- a. Tanah wakaf yang kosong wajar dibangunkan bagi menghasilkan pendapatan agar dapat memberi manfaat kepada umat Islam. Tanah tersebut boleh dimaju dan disewakan untuk mendatangkan hasil kepada MAIK.
- b. Pengauditan yang dijalankan mendapati 3 projek pembangunan tanah wakaf telah dilaksanakan sendiri oleh MAIK dengan kos RM16.24 juta. Di samping itu, 2 projek dijalankan dengan kerjasama Jabatan Wakaf, Zakat Dan Haji (JAWHAR) berjumlah RM2.30 juta dan satu projek usahasama antara MAIK dengan pihak swasta iaitu Syarikat Sentosa Jaya Development Sdn. Bhd. Butiran lanjut seperti di **Jadual 2.9** dan perenggan seterusnya.

**Jadual 2.9  
Projek Pembangunan Hartanah Wakaf**

Bil.	Lokasi	Jenis Wakaf	Nama Projek	Pelaksana	Tahun Siap Projek	Kos (RM Juta)
1.	Lot 2136, Mukim Panchor, Kota Bharu	Zurri	Kompleks Islam Jubli Perak Sultan Ismail Petra	MAIK	2006	15.40
2.	Lot 1552, Lundang, Kota Bharu	Am	Bangunan rumah kedai 2 tingkat	MAIK	2012	0.74
3.	Lot 1175, Kg Jejabi, Mukim Banggu	Zurri	Tanaman pokok sentang	MAIK	1997 (tahun mula ditanam)	0.10 (modal awal)
4.	Lot 2283, Mukim Machang	Irsyad (Tanah Kerajaan)	Bangunan Asrama Anak Yatim	JAWHAR	2010	1.50
5.	Mukim Geting, Tumpat	Irsyad (Tanah Kerajaan)	Bazar Wakaf Rakyat	Yayasan Wakaf Malaysia (agensi di bawah JAWHAR)	2012	0.80
6.	Lot 145, Seksyen 4, Kota Bharu	Zurri	Bangunan rumah kedai 3 tingkat	Swasta (Syarikat Sentosa Jaya Development Sdn. Bhd.)	2011	TB

Sumber: Rekod MAIK

Nota: TB – Tidak Berkennaan

### i. Kompleks Islam Jubli Perak Sultan Ismail Petra, Panji

- Dibina dengan kos RM15.40 juta di atas tanah seluas 11.97 ekar yang merupakan tanah wakaf zurri Tengku Kaya Pahlawan pada tahun 2006.
- Kompleks ini terdiri daripada Maahad Tahfiz al-Qur'an dan rumah anak yatim Darul Aitam Putera seperti di **Gambar 2.15** dan **Gambar 2.16**.
- Cadangan awal pembinaan meliputi pembinaan rumah kedai bagi tujuan menjana hasil sewa. Bagaimanapun tiada premis kedai dibina.
- MAIK membayar RM13,000 setahun kepada waris Tengku Kaya Pahlawan sebagai bayaran sewaan tanah memandangkan sebelum pembinaan bangunan ini, tanah disewakan kepada PKINK dengan kadar RM13,000 setahun.
- Projek ini telah membantu dalam meningkatkan taraf sosial dengan menyediakan tempat tinggal dan pembelajaran.

**Gambar 2.15**

Kompleks Islam Jubli Perak



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Lot 2136, Mukim Panchor, Kota Bharu  
Tarikh: 4 Ogos 2015

**Gambar 2.16**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Lot 2136, Mukim Panchor, Kota Bharu  
Tarikh: 4 Ogos 2015

### ii. Bangunan Rumah Kedai 2 Tingkat di Lot 1552, Lundang

- Telah dibangunkan oleh MAIK pada 2012 dengan kos RM738,035 di atas tanah wakaf am seluas 0.38 ekar seperti di **Gambar 2.17**.
- Kadar sewa bagi lot kedai di tingkat bawah adalah antara RM1,600 hingga RM1,900 sebulan. Manakala kadar bagi lot tingkat atas antara RM800 hingga RM900 sebulan.
- Hasil sewa bagi 4 lot kedai 2 tingkat berjumlah RM9,800 sebulan ataupun RM117,600 setahun.
- Terdapat 1 lot kedai yang tidak mempunyai penyewa. MAIK harus mengiklankan lot kedai ini agar hasil sewa dapat ditingkatkan.
- Projek ini mendatangkan manfaat dari segi ekonomi kerana MAIK mendapat hasil sewaan.

- **Maklum balas daripada MAIK bertarikh 29 September 2015, memaklumkan bahawa pengiklanan telah dibuat menerusi laman web MAIK bagi tujuan mendapatkan penyewa.**



**Gambar 2.17  
Rumah Kedai 2 Tingkat**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Lot 1552, Lundang, Kota Bharu  
Tarikh: 24 Ogos 2015

### iii. Projek Tanaman Sentang

- Kos awal projek tanaman pokok sentang berjumlah RM96,706 dan gaji pekerja sejumlah RM4,800 setahun.
- Dilaksanakan pada tahun 1997 di atas tanah wakaf zurri Tengku Kaya Pahlawan seluas 9.60 ekar seperti di **Gambar 2.18**.
- Lokasi projek tidak sesuai kerana jalan yang ada tidak boleh dilalui oleh kenderaan berat.
- Sehingga kini masih belum mendatangkan hasil kerana pokok belum pernah ditebang berikutan saiz pokok yang kecil walaupun telah mencapai tempoh matang sejak tahun 2003 disamping kesukaran untuk mengeluarkan kayu tersebut.
- Tidak mendatangkan sebarang manfaat dari segi ekonomi maupun sosial. Oleh itu, MAIK perlulah menamatkan projek ini dengan mencari pembeli yang berminat bagi memastikan sumber yang telah digunakan mendapat pulangan yang sepatutnya dan tanah berkaitan boleh dirancang untuk projek yang lain yang lebih memberi manfaat.
- **Berdasarkan maklum balas daripada MAIK bertarikh 29 September 2015, pihak MAIK masih dalam usaha mencari pembeli yang berminat.**



**Gambar 2.18  
Pokok Sentang**

Sumber: MAIK  
Lokasi: Lot 1175, Kg. Jejabi, Mukim Banggu  
Tahun: 2014

#### **iv. Bangunan Asrama Anak Yatim, Machang**

- Projek pembinaan bangunan asrama anak yatim telah dilaksanakan oleh JAWHAR pada tahun 2010 dengan kos RM1.50 juta.
- Terdiri daripada bilik asrama 2 tingkat, rumah warden, ruang serbaguna serta dilengkapi dengan kemudahan surau, tandas, bilik seterika dan stor kering seperti di **Gambar 2.19** dan **Gambar 2.20**.
- Lawatan Audit mendapati bangunan asrama didiami oleh seramai 25 orang pelajar yang terdiri daripada golongan anak yatim dan tidak berkemampuan.
- Mendatangkan manfaat dengan meningkatkan taraf sosial penduduk setempat.

**Gambar 2.19**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Lot 2283, Mukim Machang  
Tarikh: 12 Ogos 2015

**Gambar 2.20**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Lot 2283, Mukim Machang  
Tarikh: 12 Ogos 2015

#### **v. Bazar Wakaf Rakyat, Tumpat**

- Projek ini bertujuan menyediakan peluang perniagaan dan pekerjaan melalui penyediaan premis perniagaan kepada golongan sasaran iaitu asnaf yang berkelayakan serta memberikan manfaat dan kemudahan kepada masyarakat tempatan.

- Kos pembinaan RM800,000 yang dilaksanakan oleh Yayasan Wakaf Malaysia (agensi di bawah JAWHAR) di Mukim Geting, Tumpat.
- Projek bermula pada 20 Februari 2011 dan siap pada 27 September 2012.
- Terdiri daripada 5 unit lot rumah kedai (aras bawah) dan 5 unit bilik penginapan (tingkat atas) serta dilengkapi dengan kemudahan surau dan tandas seperti di **Gambar 2.21** hingga **Gambar 2.23**.
- Kadar sewa bagi satu lot rumah kedai tingkat bawah adalah antara RM200 hingga RM250 sebulan, manakala kadar sewa 5 unit bilik penginapan tingkat atas adalah RM1,170 sebulan. Hasil sewa bagi tahun 2014 berjumlah RM14,650.
- Lawatan Audit mendapati tiada pengusaha yang menyewa 5 unit bilik penginapan di tingkat atas dan 2 lot di tingkat bawah. MAIK harus berusaha mendapatkan penyewa dengan membuat pengiklanan supaya hasil sewa dapat ditingkatkan.

**Gambar 2.21**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Mukim Geting, Tumpat  
Tarikh: 4 Ogos 2015

**Gambar 2.22**

Bazar Wakaf Rakyat



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Mukim Geting, Tumpat  
Tarikh: 4 Ogos 2015



**Gambar 2.23**  
**Bazar Wakaf Rakyat**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Mukim Geting, Tumpat  
Tarikh: 4 Ogos 2015

- **Maklum balas daripada MAIK semasa Exit Conference pada 7 Oktober 2015, memaklumkan bahawa 5 unit bilik penginapan telahpun mempunyai penyewa mulai Oktober 2015.**

#### vi. Bangunan Rumah Kedai 3 Tingkat di Lot 145, Kota Bharu

- MAIK telah menjalankan projek usahasama pembangunan komersil dan kedai pejabat yang dilaksanakan oleh Syarikat Sentosa Jaya Development Sdn. Bhd. secara istibdal (tukar ganti) pada tahun 2011.
- Mesyuarat Jemaah Ulama' MAIK telah bersetuju memfatwakan cadangan istibdal tanah wakaf ini sebagai harus.
- Istibdal dilakukan ke atas sebahagian tanah lot 145 seluas 0.27 ekar yang bernilai RM414,410 dan sebagai gantinya Syarikat Sentosa Jaya Development Sdn. Bhd memberi milik 2 unit rumah kedai 3 tingkat dengan nilai RM576,000 kepada MAIK seperti di **Gambar 2.24**.
- Lawatan fizikal mendapati 5 lot premis ini telah dijadikan pusat jahitan dan sulaman MAIK untuk golongan asnaf.
- Kadar sewa adalah antara RM800 hingga RM2,800 sebulan bagi setiap lot.
- MAIK membayar sewa berjumlah RM84,000 setahun (RM7,000 sebulan bagi 5 lot) kepada waris Tengku Kaya Pahlawan kerana tanah ini adalah tanah wakaf zurri.
- Projek ini telah mendatangkan manfaat dari segi sosialnya dengan membantu menyediakan latihan kepada golongan asnaf, dan dari segi ekonomi dapat menjana hasil kepada waris pewakaf.



**Gambar 2.24**  
**Rumah Kedai 3 Tingkat**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Lot 145, Jalan Kelochor, Kota Bharu  
Tarikh: 23 Ogos 2015

- c. Berdasarkan 6 projek pembangunan tanah wakaf yang diaudit, pihak Audit mendapati 5 projek telah memberi faedah kepada MAIK/pewaris dan penduduk setempat dari segi ekonomi ataupun sosial, manakala hanya projek tanaman sentang yang tidak mendatangkan manfaat kepada MAIK.

##### 2.4.4.2. Tanah Wakaf Berpotensi Tetapi Belum Dibangunkan

- a. MAIK sebagai pemegang amanah bagi tanah wakaf di Negeri Kelantan adalah bertanggungjawab membangunkan tanah-tanah wakaf tersebut supaya mendatangkan manfaat kepada umat Islam. Sebanyak 8 lot tanah seluas 36.09 ekar

telah dikenal pasti oleh MAIK berpotensi untuk dibangunkan. Semakan Audit mendapati 2 lot tanah iaitu lot 2136 dan lot 145 seluas 15.95 ekar telah dibangunkan menjadi Kompleks Islam Jubli Perak dan rumah kedai 3 tingkat. Manakala 6 lagi lot tanah seluas 20.14 ekar belum dimajukan walaupun telah lama diwakafkan iaitu antara tahun 1899 hingga 1997 seperti di **Jadual 2.10** serta **Gambar 2.25** dan **Gambar 2.26** berikut.

**Jadual 2.10**  
**Tanah Wakaf Berpotensi Yang Belum Dibangunkan**

Bil.	Tanah	Jenis Wakaf	Tarikh Diwakafkan	Keluasan Tanah (ekar)	Aktiviti Tanah	Cadangan Pembangunan
1.	Lot 260, Mukim Che Latiff, Kota Bharu	Khas	25 Disember 1899	13.27	Sebahagian tanah disewakan kepada seorang penyewa.	Markas Saudara Baru
2.	Lot 464, Mukim Chekok, Kota Bharu	Khas	25 Disember 1899	3.93	Sebahagian tanah disewakan kepada 9 orang penyewa.	Markas Saudara Baru
3.	Lot 112, Seksyen 23, Kota Bharu	Khas	17 Julai 1966	0.73	Terbiar.	Rumah kedai
4.	Lot 245 dan Lot 1398, Mukim Bayang, Kota Bharu	Am	22 Oktober 1996	0.36	Terbiar.	Dewan futsal/stor
5.	Lot 4389, Mukim Guntong, Kg. Padang Jal, Kota Bharu	Am	6 Mei 1997	1.15	Terbiar.	Tempat rekreasi/rumah tumpangan
6.	Lot 2132, Mukim Guntong, Kg. Padang Jal, Kota Bharu	Am	27 Mei 1997	0.70	Terbiar.	Tempat rekreasi/rumah tumpangan

Sumber: Rekod MAIK

**Gambar 2.25**  
**Tanah Wakaf Am Belum Dibangunkan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Lot 245 dan 1398, Mukim Bayang, Kota Bharu  
Tarikh: 4 Ogos 2015

**Gambar 2.26**  
**Tanah Wakaf Khas Belum Dibangunkan**



Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Lot 464, Mukim Chekok, Kota Bharu  
Tarikh: 4 Ogos 2015

- b. Tanah wakaf ini terbiar dan tidak dibangunkan kerana MAIK tidak mempunyai dana mencukupi untuk membangunkan tanah dan lebih mengharapkan kepada cadangan pembangunan daripada pihak luar. Akibatnya, niat pewakaf tidak terlaksana sepenuhnya kerana tanah yang diwakafkan tidak mendapat manfaat. **Berdasarkan maklum balas daripada MAIK bertarikh 29 September 2015, pihak MAIK sentiasa mencari peluang untuk mendapatkan dana daripada pelbagai pihak termasuk berusaha mendapatkan dana RMKe-11 menerusi pihak JAWHAR.**

Pada pendapat Audit, pembangunan hartaanah wakaf telah dapat meningkatkan taraf ekonomi dan sosial umat Islam setempat. Oleh itu MAIK hendaklah terus mencari dana sama ada daripada JAWHAR atau pihak-pihak lain yang berminat untuk membangunkan tanah-tanah yang berpotensi untuk dimajukan.

#### 2.4.5. Harta Wakaf Tidak Diwartakan

2.4.5.1. Menurut Seksyen 74 Enakmen 4 Tahun 1994 MAIK, MAIK hendaklah mewartakan senarai harta wakaf setiap 3 hingga 5 tahun sekali. Bagaimanapun semakan Audit mendapati MAIK masih lagi tidak mewartakan senarai harta wakaf sejak enakmen ini berkuat kuasa. Tindakan pewartaan tidak diambil kerana mengikut keterangan pegawai MAIK, mereka tidak menyedari adanya keperluan mewartakan harta wakaf seperti yang termaktub dalam enakmen. Akibatnya, tiada pemakluman rasmi kepada masyarakat umum berkaitan hartaanah wakaf. Oleh itu MAIK adalah digesa untuk mengambil tindakan segera mewartakan tanah-tanah wakaf.

2.4.5.2. Berdasarkan *Exit Conference bersama MAIK pada 7 Oktober 2015*, pihak MAIK beranggapan bahawa pewartaan penyata kewangan yang beraudit pada setiap tahun yang merangkumi harta dan aset zakat, baitulmal dan wakaf adalah sudah memadai. Bagaimanapun pihak MAIK mengambil maklum akan keperluan mewartakan senarai harta wakaf berdasarkan Seksyen 74 Enakmen MAIK dan akan mengambil tindakan pewartaan dalam masa terdekat.

#### 2.4.6. Penyenggaraan Hartaanah Wakaf

2.4.6.1. Fungsi MAIK adalah sebagai pemegang amanah kesemua harta wakaf dan menyenggara serta mentadbir harta wakaf dengan baik. Pengauditan yang dijalankan mendapati MAIK telah melaksanakan penyenggaraan ke atas hartaanah wakaf seperti kubur, rumah kedai dan rumah wakaf. Penyenggaraan yang dijalankan adalah berdasarkan permohonan dan aduan yang diterima oleh MAIK. Sejumlah RM1.52 juta telah dibelanjakan bagi tahun 2012 hingga 2014 iaitu RM1.32 juta bagi penyenggaraan kubur dan RM201,839 bagi penyenggaraan rumah kedai/wakaf seperti di **Jadual 2.11**. Penyenggaraan kubur yang dilaksanakan adalah terdiri daripada kerja membersihkan kubur dan membina pagar seperti di **Gambar 2.27**. Manakala penyenggaraan rumah kedai/wakaf meliputi kerja membaiki kerosakan bangunan.

**Jadual 2.11**  
**Penyenggaraan Hartaanah Wakaf Bagi Tahun 2012 Hingga 2014**

Bil.	Penyenggaraan	2012 (RM)	2013 (RM)	2014 (RM)	Jumlah (RM)
1.	Kubur	246,495	546,006	526,704	1,319,205
2.	Rumah Kedai/ Rumah Wakaf	2,698	81,935	117,206	201,839
<b>Jumlah</b>		<b>249,193</b>	<b>627,941</b>	<b>643,910</b>	<b>1,521,044</b>

Sumber: Rekod MAIK



**Gambar 2.27**  
**Kubur Yang Telah Dibina Pagar**

Sumber: Jabatan Audit Negara  
Lokasi: Lot 121, Mukim Chicha, Kubang Kerian  
Tarikh: 12 Ogos 2015

**Pada pendapat Audit, penyenggaraan hartaanah wakaf adalah memuaskan.**

## **2.5. SYOR AUDIT**

Bagi memastikan pengurusan hartaanah wakaf dilaksanakan dengan lebih efisien dan menangani kelemahan yang wujud, pihak Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) disyorkan mengambil langkah-langkah berikut:

**2.5.1.** Menyediakan dan menyelenggara Daftar Wakaf dengan lengkap dan kemas kini, serta mewartakan semua harta wakaf bagi memenuhi kehendak Enakmen MAIK.

**2.5.2.** Memperkemaskan pengurusan dan menyemak kadar sewa yang tidak munasabah.

**2.5.3.** Melaksanakan pemantauan berkala terhadap hartaanah wakaf dan mengambil tindakan tegas terhadap penceroboh dan seterusnya menyediakan perancangan yang spesifik bagi setiap hartaanah wakaf untuk dibangunkan dan dimanfaatkan sejajar dengan niat pewakaf.

---

## **PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN**

---

### **3. KUMPULAN PERTANIAN KELANTAN BERHAD**

#### **3.1 LATAR BELAKANG**

**3.1.1.** Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad (KPKB) telah didaftarkan pada 29 April 1995 dan dimiliki sepenuhnya oleh Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK). Modal dibenarkan bagi KPKB adalah berjumlah RM10 juta manakala modal berbayar berjumlah RM4.20 juta. Visi KPKB adalah menjadi syarikat peneraju dalam aktiviti pertanian komersial dan industri asas tani yang menjana ekonomi Negeri Kelantan manakala misinya adalah bertekad dan berusaha menjalankan aktiviti pertanian dan industri asas tani secara intensif di peringkat nasional dan global ke arah mencapai inspirasi Kerajaan Negeri Kelantan sebagai Jelapang Makanan Negara. Peranan utama KPKB ialah melaksanakan pembangunan sektor pertanian secara komersial di Negeri Kelantan sebagai Negeri Jelapang Makanan Negara serta merealisasikan wawasan pertanian Kerajaan yang memberi impak dalam pembangunan industri pertanian dan asas tani.

**3.1.2.** Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad mempunyai empat perniagaan teras iaitu pertanian, penternakan, akuakultur dan bioteknologi. Aktiviti utama yang dilaksanakan adalah penternakan dan penjualan baja sebatian. Selain itu, KPKB juga membekal dan mengurus projek Kerajaan Negeri iaitu Skim Baja Padi, Skim Beras Al-It'Am dan Projek Hijau Sejahtera. KPKB juga memperoleh hasil pendapatan melalui aktiviti sewaan bangunan dan pajakan tanah. Ahli Lembaga Pengarah KPKB terdiri daripada 9 orang iaitu 5 orang wakil Kerajaan, seorang Pengurus Kewangan PKINK dan 3 orang ahli perniagaan. Pengurusan KPKB diketuai oleh Pengurus Besar dan dibantu oleh 22 kakitangan.

**3.1.3.** Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad mempunyai 6 anak syarikat yang bergiat di sektor perladangan dan pemasaran dan sebuah syarikat bersekutu yang melaksanakan aktiviti penanaman kelapa sawit seperti di **Jadual 3.1**.

**Jadual 3.1**  
**Anak Syarikat Dan Aktiviti Utama**

Bil.	Anak Syarikat/ Syarikat Usahasama	Aktiviti Utama	Modal Berbayar (RM)	Pegangan Saham
1.	Darulnaim Management Agro Industries Sdn Bhd (DAMAI)	Penanaman dan pembangunan tanah pertanian serta agen pemasaran ladang.	600,002	100%
2.	Muslim International Marketing Company Sdn Bhd (MIMACO)	Aktiviti pemasaran produk pertanian dan makanan halal bagi pasaran tempatan dan antarabangsa.	2	100%
3.	Murni Feedmill Sdn Bhd	Pemprosesan dan pemasaran makanan ayam.	100,002	100%
4.	Murni Marketing Sdn Bhd	Pemprosesan dan pemasaran makanan dalam tin.	200,002	100%
5.	Ladang Darulnaim Sdn Bhd	Penternakan dan Pemasaran lembu dan kambing serta penjualan benih jagung.	125,002	100%
6.	KPKB Livestock Sdn Bhd	Pembelian, penjualan dan urusniaga yang berkaitan dengan binatang dan produk-produk ladang.	100,003	100%
7.	Ladang Bunga Tanjung Sdn Bhd	Penanaman kelapa sawit.	1,400,000	20%

Sumber: Profil KPKB

### **3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN**

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai prestasi kewangan syarikat, pengurusan aktiviti, tadbir urus korporat serta pengurusan kewangan syarikat sama ada ada telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan objektif penubuhannya.

### **3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN**

Pengauditan pengurusan syarikat KPKB meliputi aspek prestasi kewangan, pengurusan aktiviti, tadbir urus korporat dan pengurusan kewangan. Pengauditan dijalankan dengan menyemak minit mesyuarat Lembaga Pengarah, fail perancangan, bajet, fail kesetiausahaan, fail projek, dokumen, fail serta rekod yang berkaitan bagi tahun 2012 hingga 2014. Analisis kewangan adalah berdasarkan penyata kewangan yang telah diaudit bagi tahun 2011 hingga 2013. Perbincangan dan temu bual juga diadakan dengan pegawai terlibat dan pembekal yang dilantik oleh syarikat. Selain itu, pemeriksaan fizikal turut dijalankan terhadap aset dan kemudahan yang disediakan. *Exit Conference* bersama Pengurus Besar KPKB, Pengurus Kanan Operasi KPKB, Pengurus Kanan Perancangan Korporat KPKB, Eksekutif Perancangan Korporat KPKB diadakan pada 23 September 2015.

### **3.4. PENEMUAN AUDIT**

Pengauditan yang dijalankan pada Februari hingga Mei 2015 mendapati secara keseluruhannya, pengurusan KPKB adalah kurang memuaskan. Daripada segi prestasi kewangan, KPKB mengalami kerugian bersih pada tahun 2011 dan 2012 serta kerugian terkumpul bagi tahun 2011, 2012 dan 2013. Analisis nisbah menunjukkan trend peningkatan bagi tahun 2012 tetapi menurun pada tahun 2013. Pengurusan aktiviti adalah tidak memuaskan manakala tadbir urus korporat adalah memuaskan. Kelemahan utama dalam pengurusan aktiviti KPKB adalah seperti berikut:

- Aktiviti penternakan mengalami kerugian berterusan.
- Prestasi pendapatan daripada projek Kerajaan Negeri menurun.
- Kelemahan pengurusan sewaan bangunan dan pajakan tanah.
- Kerugian pelaburan dalam syarikat usaha sama dan syarikat subsidiari.
- Syarat perjanjian pajakan tanah tidak dipatuhi.

#### **3.4.1. Prestasi Kewangan**

##### **3.4.1.1. Analisis Trend**


Kedudukan pendapatan, perbelanjaan, untung/rugi sebelum cukai, untung/rugi bersih dan kerugian terkumpul KPKB bagi tahun kewangan 2011 hingga 2013 adalah seperti di **Jadual 3.2**. Trend untung/rugi sebelum cukai, trend pendapatan serta perbelanjaan KPKB adalah seperti di **Carta 3.1** dan **Carta 3.2**.

**Jadual 3.2**  
**Pendapatan, Perbelanjaan Dan Untung Rugi KPKB**  
**Bagi Tahun Kewangan 2011 Hingga 2013**

Butiran	Tahun		
	2011 (RM)	2012 (RM)	2013 (RM)
Pendapatan Operasi	11,934,876	12,170,535	10,210,559
Pendapatan Lain	72,412	54,433	1,262,652
<b>Jumlah Pendapatan</b>	<b>12,007,288</b>	<b>12,224,968</b>	<b>11,473,211</b>
Kos Jualan	9,887,808	10,232,374	8,538,943
Perbelanjaan Pentadbiran	2,040,034	2,360,495	2,585,051
Kos Kewangan	57,182	33,592	21,845
<b>Jumlah Perbelanjaan</b>	<b>11,985,024</b>	<b>12,626,461</b>	<b>11,145,839</b>
Untung/Rugi Sebelum Cukai	22,264	-401,493	327,372
Cukai	59,389	-	203,939
<b>Untung/Rugi Bersih</b>	<b>-37,125</b>	<b>-401,493</b>	<b>123,433</b>
<b>Kerugian Terkumpul</b>	<b>-9,605,954</b>	<b>-10,007,447</b>	<b>-9,884,014</b>


Sumber: Penyata Kewangan KPKB

**Carta 3.1**  
**Trend Untung/Rugi Sebelum Cukai dan Keuntungan Terkumpul Bagi Tahun Kewangan 2011 Hingga 2013**



Sumber: Penyata Kewangan KPKB

**Carta 3.2**  
**Trend Pendapatan dan Perbelanjaan Bagi Tahun Kewangan 2011 Hingga 2013**



Sumber: Penyata Kewangan KPKB

- Keuntungan sebelum cukai KPKB pada tahun 2011 ialah RM0.02 juta, tetapi pada tahun 2012, KPKB mencatatkan kerugian sebelum cukai berjumlah RM0.40 juta, penurunan sejumlah RM0.42 juta atau 1,903.3% berbanding tahun 2011. Bagaimanapun, pada tahun 2013, KPKB kembali mencatatkan keuntungan sebelum cukai berjumlah RM0.33 juta, peningkatan sebanyak RM0.73 juta atau 181.5% berbanding tahun 2012. Penurunan keuntungan pada tahun 2012 adalah disebabkan oleh peningkatan belanja pentadbiran manakala peningkatan keuntungan pada tahun 2013 adalah disebabkan oleh keuntungan atas jualan aset iaitu stesyen minyak sejumlah RM1.12 juta.
- Kerugian terkumpul KPKB pada tahun 2011 ialah RM9.61 juta dan kerugian sebelum cukai yang dialami KPKB pada tahun 2012 menyebabkan kerugian terkumpul terus meningkat kepada RM10.01 juta, iaitu peningkatan sebanyak RM0.4 juta atau 4.2%. Walaubagaimanapun, keuntungan selepas cukai yang diperoleh KPKB pada tahun 2013 membantu mengurangkan kerugian terkumpul sejumlah RM0.12 juta atau 1.2% kepada RM9.88 juta.
- KPKB memperoleh pendapatan dengan melaksanakan aktiviti penternakan, penjualan baja sebatian, sewaan bangunan, pajakan tanah dan membekal serta mengurus projek Kerajaan Negeri. Jumlah pendapatan KPKB pada tahun 2011 ialah RM12.01 juta dan meningkat kepada RM12.22 juta pada tahun 2012 iaitu peningkatan sejumlah RM0.22 juta atau 1.8%. Manakala jumlah pendapatan pada tahun 2013 ialah RM11.47 juta, penurunan sejumlah RM0.75 juta atau RM6.2%. Penurunan pendapatan pada tahun 2013 adalah disebabkan oleh penurunan hasil pendapatan daripada projek Kerajaan Negeri.

- d. Jumlah perbelanjaan KPKB pada tahun 2011 ialah RM12.04 juta dan meningkat kepada RM12.63 juta pada tahun 2012, iaitu peningkatan sejumlah RM0.58 juta atau 4.8%. Bagaimanapun, jumlah perbelanjaan menurun kepada RM11.35 juta pada tahun 2013, iaitu penurunan sejumlah RM1.28 juta atau 10.1%. Penurunan kos jualan pada tahun 2013 menjadi punca utama kepada penurunan jumlah perbelanjaan pada tahun tersebut.

### 3.4.1.2. Analisis Nisbah

Bagi menentukan prestasi kewangan syarikat, analisis nisbah semasa, margin untung bersih, pulangan atas aset dan pulangan atas ekuiti telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan pada Lembaran Imbangan dan Penyata Pendapatan bagi 3 tahun kewangan iaitu 2011 hingga 2013. Hasil analisis nisbah adalah seperti di **Jadual 3.3**.

**Jadual 3.3**  
**Analisis Nisbah Bagi Tahun Kewangan 2011 Hingga 2013**

Bil.	Butiran	Tahun Kewangan		
		2011	2012	2013
a.	Nisbah Semasa	0.39:1	0.30:1	0.29:1
b.	Margin Untung Bersih	-0.3%	-3.3%	1.2%
c.	Pulangan Atas Aset	0:1	-0.05:1	0.02:1
d.	Pulangan Atas Ekuiti	-0.01:1	-0.07:1	-0.02:1

Sumber: Penyata Kewangan KPKB

#### a. Nisbah Semasa

**Jadual 3.4**  
**Nisbah Semasa Bagi Tahun Kewangan 2011 Hingga 2013**

Tahun	Aset Semasa	Liabiliti Semasa	Nisbah Semasa
2011	5,637,002	14,587,944	0.39:1
2012	4,053,814	13,303,292	0.30:1
2013	3,378,907	11,622,527	0.29:1

Sumber: Penyata Kewangan KPKB

Nisbah Semasa menentukan sejauh mana kemampuan aset semasa yang boleh ditukar segera kepada tunai bagi menyelesaikan tanggungan hutang jangka pendek atau liabiliti semasa. Nisbah semasa melebihi satu menunjukkan syarikat berupaya memenuhi tanggungan tersebut. Pada amnya, nisbah yang memuaskan adalah berkadar 2:1. Analisis seperti di **Jadual 3.4** menunjukkan berlaku penurunan nisbah semasa yang berterusan dari tahun 2011 hingga 2013. Nisbah semasa KPKB yang kurang daripada satu adalah disebabkan oleh jumlah liabiliti semasa yang lebih tinggi berbanding jumlah aset semasa. Aset semasa mengalami jumlah penurunan yang lebih tinggi berbanding liabiliti semasa pada tahun 2012 berbanding 2011 menyebabkan nisbah semasa menurun pada tahun 2012. Aset semasa juga menurun lebih rendah berbanding liabiliti semasa pada tahun 2013 menyebabkan penurunan nisbah semasa pada tahun tersebut. Faktor utama penurunan nisbah semasa adalah disebabkan perubahan jumlah tunai dan keserataan tunai, pengurangan jumlah penghutang serta jumlah pemutang. Nisbah semasa yang

kurang daripada satu menunjukkan syarikat kurang berupaya untuk memenuhi tanggungan jangka pendeknya.

### b. Margin Untung Bersih

**Jadual 3.5**  
**Margin Keuntungan Bagi Tahun Kewangan 2011 Hingga 2013**

Tahun	Keuntungan/ Kerugian Bersih	Jualan	Margin Keuntungan
2011	-37,125	11,934,876	0.3%
2012	-401,493	12,170,535	-3.3%
2013	123,433	10,210,559	1.2%

Sumber: Penyata Kewangan KPKB

Margin Keuntungan digunakan untuk mengukur jumlah pendapatan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit jualan. Nilai peratusan yang tinggi menunjukkan syarikat berupaya mengawal kos dan perbelanjaan jualan untuk menghasilkan keuntungan bersih yang tinggi. Analisa seperti di **Jadual 3.5** menunjukkan margin keuntungan KPKB adalah rendah. Kerugian bersih yang dialami pada tahun 2011 dan 2012 mempengaruhi nilai margin keuntungan yang dicatatkan iaitu di bawah paras positif. Ini menunjukkan syarikat kurang berupaya mengawal kos yang terlibat untuk menjana keuntungan syarikat.

### c. Pulangan Atas Aset

**Jadual 3.6**  
**Pulangan Atas Aset Bagi Tahun Kewangan 2011 Hingga 2013**

Tahun	Keuntungan Bersih	Jumlah Aset	Pulangan Atas Aset
2011	-37,125	9,251,217	0:1
2012	-401,493	7,583,201	-0.05:1
2013	123,433	5,994,532	0.02:1

Sumber: Penyata Kewangan KPKB

Nisbah Pulangan Atas Aset digunakan bagi mengukur kecekapan dalam penggunaan aset syarikat untuk memperoleh pendapatan. Nisbah ini merupakan satu ukuran kecekapan yang mana semakin tinggi pendapatan bersih, semakin cekap syarikat menguruskan aset. Analisis seperti di **Jadual 3.6** menunjukkan KPKB tidak mencatatkan pulangan atas aset pada tahun 2011, kerugian atas aset berjumlah 5 sen pada tahun 2012 dan pulangan atas aset berjumlah 2 sen pada tahun 2013. Kerugian bersih yang dialami pada tahun 2011 dan 2012 mempengaruhi nilai pulangan atas aset yang dicatatkan iaitu di bawah paras positif. Pulangan negatif atas aset menunjukkan ketidakcekapan pengurusan dalam menjana keuntungan daripada penggunaan aset syarikat.

#### d. Pulangan Atas Ekuiti

**Jadual 3.7**  
**Pulangan Atas Ekuiti Bagi Tahun Kewangan 2011 Hingga 2013**

Tahun	Keuntungan Bersih	Jumlah Ekuiti	Pulangan Atas Ekuiti
2011	-37,125	-5,420,994	-0.01:1
2012	-401,493	-5,822,487	-0.07:1
2013	123,433	-5,699,054	-0.02:1

Sumber: Penyata Kewangan KPKB

Nisbah Pulangan Atas Ekuiti digunakan bagi menggambarkan keupayaan syarikat dalam memaksimumkan pulangan terhadap jumlah pelaburan yang dibuat oleh syarikat. Semakin tinggi pendapatan bersih yang diperoleh daripada setiap ringgit ekuiti yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan ekuitinya. Analisis seperti di **Jadual 3.7** menunjukkan KPKB mencatatkan pulangan negatif atas ekuiti dari tahun 2011 hingga tahun 2013. Pulangan negatif atas ekuiti menunjukkan KPKB tidak berupaya memberi pulangan kepada pelaburan syarikat.

**Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya, prestasi kewangan KPKB bagi tahun 2011 hingga 2013 adalah kurang memuaskan berdasarkan analisis trend dan analisis nisbah penyata kewangan KPKB.**

#### 3.4.2. Pengurusan Aktiviti

Kecekapan syarikat dalam pengurusan aktiviti akan memastikan objektif yang telah ditetapkan dapat dicapai. Aktiviti utama KPKB adalah penternakan dan penjualan baja sebatian. Selain itu, KPKB juga membekal dan mengurus tiga projek Kerajaan Negeri iaitu Skim Subsidi Baja Padi, Skim Beras Al-It'am dan Projek Hijau Sejahtera. Di samping itu, KPKB juga mendapat hasil pendapatan melalui sewaan bangunan dan pajakan tanah.

##### 3.4.2.1. Aktiviti Penternakan Mengalami Kerugian Berterusan

- a. KPKB menjalankan aktiviti penternakan lembu, kambing, itik dan anak ayam kampung untuk dijual semula kepada pasaran terbuka. Aktiviti penternakan dijalankan di Lot 2541, Mukim Telong, Bachok dan dilakukan oleh 4 orang pekerja tetap. Penternakan kambing bermula pada tahun 2009, lembu pada tahun 2010 manakala ayam kampung pula bermula pada tahun 2012.
- b. Semakan Audit mendapati, aktiviti penternakan mengalami kerugian operasi bagi ketiga-tiga tahun iaitu RM8,632 pada tahun 2012, RM52,704 pada tahun 2013 dan RM88,472 pada tahun 2014. **Jadual 3.8** menunjukkan kerugian operasi daripada aktiviti penternakan dan penjualan baja sebatian.

**Jadual 3.8**  
**Kerugian Operasi Daripada Aktiviti Penternakan**

Perkara	2012 (RM)	2013 (RM)	2014 (RM)
Pendapatan	585,340	313,147	121,405
Kos Operasi	593,972	365,851	209,877
Kerugian Operasi	-8,632	-52,704	-88,472

Sumber: Penyata Kewangan KPKB

- c. Semakan Audit mendapati aktiviti penternakan KPKB mengalami kerugian disebabkan kelemahan dari segi pemasaran dan penetapan harga jualan. Pada tahun 2012, KPKB telah membeli 7 ekor lembu dengan harga RM964 seekor tetapi telah menjualnya pada harga antara RM400 hingga RM700 seekor. Manakala pada tahun 2013, 24 ekor lembu yang dibeli pada harga RM2,250 seekor telah dijual pada harga RM1,966 seekor dan pada tahun 2014, 38 ekor lembu yang dibeli pada harga RM2,250 seekor telah dijual pada harga antara RM1,100 hingga RM1,500 seekor. Penjualan pada harga di bawah kos ini menyebabkan KPKB mengalami kerugian setiap tahun bagi aktiviti penternakannya.
- d. **Mengikut maklum balas daripada KPKB bertarikh 23 September 2015, aktiviti jualan lembu adalah tertumpu kepada jualan pada musim perayaan Haji. Memandangkan terdapat lembu yang tidak dapat dijual pada tahun tersebut, pihak syarikat terpaksa menanggung kos makanan , rawatan untuk lembu yang sakit dan kematian lembu yang agak ketara. Oleh itu, pada tahun 2014 pengurusan mengambil keputusan menjual kesemua baki lembu dan pengurusan menghentikan dahulu operasi perniagaan lembu buat sementara waktu.**

#### **3.4.2.2. Prestasi Pendapatan Daripada Projek Kerajaan Negeri Menurun**

- a. KPKB membekal dan mengurus tiga projek Kerajaan Negeri iaitu Skim Subsidi Baja Padi yang bermula pada tahun 1995 serta Skim Beras Al-It'Am dan Program Hijau Sejahtera yang bermula pada tahun 2012.
- b. Skim Subsidi Baja Padi merupakan skim pembekalan baja kepada petani rakyat Kelantan yang terpilih dengan merujuk syarat-syarat yang telah ditetapkan. Terdapat dua jenis baja yang dibekalkan iaitu baja padi yang dikhatusukan untuk penanaman padi dan baja organik yang digunakan untuk penyediaan tanah sebelum proses penaburan benih padi. Bagi tempoh 2012 hingga 2014, sejumlah RM2.62 juta telah dibelanjakan melibatkan 5,637 orang petani iaitu 3,006 orang pada tahun 2012, 1,936 orang pada tahun 2013 dan 695 orang pada tahun 2014 yang mengusahakan 16,419 ekar sawah padi di Negeri Kelantan seperti di **Jadual 3.9**. KPKB menggunakan Garis Panduan Program Subsidi Baja Padi Negeri Kelantan (SPBNK) Tahun 2013 sebagai rujukan dalam pembekalan baja subsidi.

**Jadual 3.9**  
**Jumlah perbelanjaan Projek Skim Subsidi Baja Padi**

Tahun	Perbelanjaan (RM Juta)	Jumlah Petani	Ekar Tanah
2012	1.72	3,006	11,001
2013	0.40	1,936	3,467
2014	0.50	695	1,951
<b>Jumlah</b>	<b>2.62</b>	<b>5,637</b>	<b>16,419</b>

Sumber: Lejar KPKB

- c. KPKB membeli bekalan baja padi daripada CCM Fertilizer Sdn Bhd dan kemudian membungkus semula baja padi tersebut kepada pek-pek yang lebih kecil di kilang baja miliknya di Wakaf Bharu, Tumpat. Jumlah pembungkusan sehari adalah di antara 16 hingga 18 tan metrik yang dilakukan oleh 4 orang pekerja kontrak. Permintaan membekalkan baja untuk skim subsidi ini adalah bergantung kepada pesanan yang diterima daripada Pejabat Pembangunan Negeri (PPN). Pesanan dibuat mengikut 2 musim penanaman padi iaitu musim pertama pada bulan April hingga Ogos dan musim kedua bulan Oktober hingga Februari.
- d. Skim Al-It'Am merupakan program bantuan beras percuma kepada rakyat miskin dan merupakan projek Kerajaan Negeri Kelantan yang telah dilancarkan pada 6 Februari 2011. KPKB telah dilantik menguruskan pembahagian bantuan beras kepada 45 kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) atau 180 keluarga miskin bagi setiap DUN. Permohonan perlu dibuat melalui sistem e-TEGAR dan pemilihan adalah berdasarkan kepada kelayakan pemohon. Setiap keluarga miskin yang layak akan menerima 10 kilogram beras tempatan ST 10% setiap bulan. Selain itu, KPKB juga mendapat permintaan tambahan daripada dua DUN untuk membekalkan beras yang sama kepada 150 keluarga di DUN masing-masing pada setiap bulan. Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM8.00 juta bagi tempoh tahun 2012 hingga 2014 untuk program tersebut manakala peruntukan tambahan bagi dua DUN tersebut diperoleh melalui peruntukan DUN sendiri dan peruntukan YAB Menteri Besar Kelantan.
- e. Bagi melicinkan urusan pembekalan bantuan beras Skim Al-It'Am, pada tahun 2012 dan 2013, pihak KPKB telah melantik tiga pembekal beras tempatan manakala pada tahun 2014, dua pembekal beras tempatan telah dilantik. Kesemua urusan pelantikan pembekal beras dibuat melalui tawaran tender. Pembahagian lokasi DUN kepada pembekal pula dibuat berdasarkan pengalaman dan urusan kerja yang telah dilaksanakan sebelum ini. Butiran lanjut adalah seperti **Jadual 3.10**.

**Jadual 3.10**  
**Pembekal Beras Bagi Skim Al-It'Am Tahun 2012 Hingga 2014**

Tahun	Pembekal Beras	Bilangan DUN	Harga Per Beg (RM/10 Kg)	Jumlah Beg	Jumlah Pembelian (RM Juta)
2012	Syarikat Zakaria	15	23.70	32,400	0.77
	Syarikat Mohd Zakiron Zahid	20	23.70	43,200	1.02
	IMD Worldwide Holding Sdn. Bhd.	10	23.70	21,600	0.51
2013	Satu Cita Sdn. Bhd.	10	22.60	21,600	0.49
	Syarikat Zakaria	15	22.60	32,400	0.73
	Syarikat Mohd Zakiron Zahid	20	22.60	43,200	0.98
2014	Syarikat Mohd Zakiron Zahid	22	22.30	47,520	1.06
	MIMACO Sdn. Bhd.	23	22.30	49,680	1.11

Sumber: Lejar KPKB

- f. Projek Hijau Sejahtera merupakan projek Kerajaan Negeri Kelantan yang bermula pada tahun 2012. Projek ini bertujuan untuk membantu mana-mana kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Kelantan mengembangkan aktiviti-aktiviti pertanian dan penternakan di kawasan DUN masing-masing melalui pembekalan anak benih pokok, anak ayam kampung, anak ikan siakap dan juga benih komoditi iaitu benih kelapa sawit dan getah. KPKB bertindak sebagai pembekal input pertanian dan input penternakan kepada kawasan-kawasan DUN tersebut.
- g. Berdasarkan penyata kewangan syarikat, keuntungan bagi Projek Skim Subsidi Baja Padi dan Program Hijau Sejahtera menurun. Skim Subsidi Baja Padi mengalami kerugian sejumlah RM33,015 pada tahun 2013 iaitu menurun sejumlah RM470,233 atau 107.6% berbanding keuntungan pada tahun 2012 dan terus mengalami kerugian sejumlah RM152,273 pada tahun 2014 iaitu penurunan sejumlah RM119,258 atau 361.2%. Skim Beras Al-It'Am pula memperoleh keuntungan iaitu sejumlah RM105,226 pada tahun 2012, RM203,340 pada tahun 2013 dan RM272,844 pada tahun 2014. Projek Hijau Sejahtera pula memperoleh keuntungan berjumlah RM6,958 pada tahun 2013 namun keuntungan ini menurun kepada RM3,102 atau 55.4%. Keuntungan/ (kerugian) daripada projek Kerajaan Negeri adalah seperti di **Jadual 3.11**.

**Jadual 3.11**  
**Keuntungan/Kerugian Daripada Projek Kerajaan Negeri**

Perkara	Skim Subsidi Baja Padi			Skim Beras Al-It'Am			Program Hijau Sejahtera	
	2012 (RM)	2013 (RM)	2014 (RM)	2012 (RM)	2013 (RM)	2014 (RM)	2013 (RM)	2014 (RM)
Pendapatan	1,717,327	400,810	506,090	3,503,295	2,984,322	2,721,646	173,190	33,469
Perbelanjaan	1,280,109	433,825	658,363	3,398,069	2,780,982	2,448,802	166,232	30,367
<b>Untung/Rugi</b>	<b>437,218</b>	<b>-33,015</b>	<b>-152,273</b>	<b>105,226</b>	<b>203,340</b>	<b>272,844</b>	<b>6,958</b>	<b>3,102</b>

Sumber: Penyata Kewangan KPKB

- h. KPKB yang berperanan sebagai pembekal kepada projek Kerajaan Negeri tidak seharusnya menanggung sebarang risiko kerugian daripada projek berkenaan. Seharusnya pihak KPKB perlu mengurangkan belian baja daripada pembekal

berdasarkan LO yang diterima daripada PPN bagi mengurangkan kos perbelanjaan seterusnya bagi mengelakkan kerugian kepada pihak syarikat.

- i. **Mengikut maklum balas KPKB bertarikh 23 September 2015, Skim Subsidi Baja Padi Kerajaan Negeri mengalami penyusutan tempahan memandangkan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri telah mengetatkan prosedur permohonan agar petani mendapatkan hanya satu sahaja sumber bantuan subsidi baja padi. Secara keseluruhan, penyusutan tempahan adalah kesan daripada petani memilih Skim Subsidi Baja Padi dari pihak Kerajaan Persekutuan yang mempunyai banyak kelebihan berbanding Kerajaan Negeri. Selain itu, bencana banjir pada Disember 2014 telah menyebabkan semua stok baja KPKB bernilai RM85,000 telah musnah.**

#### **3.4.2.3. Kelemahan Pengurusan Sewaan Bangunan Dan Pajakan Tanah**

- a. Mengikut amalan terbaik, setiap sumber yang dimiliki perlu diuruskan dan dimanfaatkan supaya dapat menyumbang pendapatan kepada syarikat. Semakan Audit mendapati, 8 daripada 9 aset syarikat adalah milik Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK), tetapi diberi status pajakan kepada KPKB, manakala satu aset iaitu Lot PT 5151, Lojing, Mukim Ulu Nenggiri, Bertam dimiliki oleh KPKB seperti di **Jadual 3.12**.

**Jadual 3.12  
Senarai Aset KPKB**

Bil.	Lokasi	Keluasan (Ekar)	Status Hak Milik	Syarat Tanah	Status
1.	Lot 3440, Mukim Mesira, Wakaf Zin, Bachok	2.430	Pajakan 33 Tahun (17/9/2015)	Pertanian (Kelapa)	Tapak Kilang dan Menara Telekomunikasi (Infra Quest S/B)
2.	Lot 3417, Mukim Pak Pura, Bachok	1.882	Pajakan 33 Tahun (17/9/2016)	Pertanian (Kelapa)	Penanaman ubi kayu
3.	PT 0092, Mukim Kemasin, Bachok	4.459	Kekal (21/01/2027)	Pertanian (Pendidiran Ikan)	Dorman
4.	Lot 2541, Mukim Telong, Bachok	8.995	Pajakan 33 Tahun (17/9/2015)	Nyior	Ternakan ayam kampung
5.	Lot 1610, Mukim Kuala Kelar, Pasir Mas	0.87	Selama-lamanya	Padi	Tanah Kosong
6.	PT3032, Mukim Lubuk Bongor, Jeli	3,299.35	Pajakan 66 Tahun (28.09.2069)	Kelapa Sawit rotan	Pajakan kepada Ladang Bunga Tanjung (JV)
7.	Lot 1809, 1810, 1811 Mukim Langgar, Kota Bharu	0.11	Kekal	Bangunan	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pejabat KPKB</li> <li>Sewa kepada Percetakan Zulrahim</li> <li>Sewa kepada UPWK</li> </ul>
8.	Lot PT 5150, Lojing Mukim Ulu Nenggiri, Bertam	51.35	Pajakan 99 Tahun (14/03/2099)	Tanaman, sayur & Bungaan	Pajakan kepada Embun Megah Sdn Bhd
9.	Lot 1481 Lojing, Mukim Ulu Nenggiri	48.665	Pajakan 99 Tahun (14/03/2099)	Dusun	Pajakan kepada Embun Megah Sdn Bhd JVCO
10.	Lot PT 5151, Lojing, Mukim Ulu Nenggiri, Bertam	213.37	Pajakan 99 Tahun (14/03/2099)	Tanaman, sayur& Bungaan	Pajakan selama 33 tahun kepada Fresh Momentum Projek NGV

Sumber: Rekod Aset KPKB

- b. Semakan Audit mendapati 7 daripada 9 aset tersebut disewakan atau dipajakkan kepada beberapa buah syarikat. Pendapatan yang diperoleh daripada hasil sewaan dan pajakan ialah sejumlah RM249,392 pada tahun 2012, RM516,381 pada tahun 2013 dan RM413,983 pada tahun 2014. Semakan Audit mendapati sehingga Disember 2014, terdapat tunggakan bayaran daripada 2 penyewa dan 2 pemajak berjumlah RM169,744 sebagaimana di **Jadual 3.13**.

**Jadual 3.13**  
**Bayaran Tunggakan Sewa/Pajakan Sehingga Disember 2014**

Bil	Penyewa	Bayaran Tertunggak (RM)	Catatan
1.	Em bun Megah Sdn. Bhd.	15,000	Tunggakan sewaan tahun 2014
2.	Fresh Momentum Sdn. Bhd.	134,823	Bayaran pajakan dan cukai hasil tanah bagi tahun 2012 –2015
3.	Percetakan Alatalis Zulrahim	16,565	Bayaran sewa bulanan bagi tahun 2013 – 2014
4.	Mutiara Timur Enterprise Sdn. Bhd.	3,356	Bayaran penyediaan dokumen dan cukai
<b>Jumlah</b>		<b>169,744</b>	

Sumber: Lejar KPKB

- c. Bagaimanapun, dua aset iaitu tanah di PT 0092 Mukim Kemasin, Bachok dan Lot 1610 Mukim Kuala Kelar, Pasir Mas tidak dipajak, disewa atau diusahakan sendiri oleh pihak syarikat. Mengikut maklumat yang diterima daripada Pengurus Kanan Operasi KPKB, tanah di PT 0092 berdekatan dengan laut dan sesuai untuk aktiviti pemberian ikan air laut. Walau bagaimanapun, kos penyediaan kemudahan untuk aktiviti pemberian ikan yang tinggi seperti kos penyediaan sistem pengaliran bekalan air ke kolam pemberian, kos infrastruktur iaitu kos pembaikan kolam-kolam pemberian yang lama menyebabkan tiada syarikat yang berminat untuk menyewa tanah tersebut. Bagi tanah di Lot 1610, saiz tanah yang tidak luas untuk aktiviti penanaman dan lokasi tanah yang terletak di pedalaman tidak menarik minat syarikat lain untuk menyewa atau memajak tanah tersebut.
- d. **Mengikut maklum balas KPKB bertarikh 23 September 2015, mulai tahun 2015, KPKB telah mencari peluang baru terutama dalam memajukan tanah sedia ada KPKB. Bagi aset di PT 0092, Mukim Kemasin, Bachok, KPKB telah mengadakan satu bentuk kerjasama permulaan dengan pihak Syarikat Ternak Unggul Sdn Bhd yang menjalankan ternakan ikan Kerapu Hibrid untuk memajukan kembali bidang akuakultur. Manakala bagi aset di Lot 1610 Mukim Kelar Pasir Mas, KPKB bercadang melihat kembali keperluan kesesuaian tanaman atau diserahkan kembali kepada pihak PKINK dalam tempoh terdekat untuk pembangunan lain.**

#### **3.4.2.4. Kerugian Pelaburan Dalam Syarikat Usahasama**

- a. Ladang Bunga Tanjung Sdn. Bhd. (LBT) merupakan usahasama di antara Syarikat RSJ Trading Sdn. Bhd. (RSJ) dan KPKB untuk membangunkan ladang dan penanaman kelapa sawit di atas tanah Lot No. PT 3023, Mukim Lubuk Bongor, Jeli, Kelantan yang berkeluasan 1,335.2 hektar.
- b. KPKB telah menandatangani perjanjian usahasama dengan RSJ pada 25 Mac 1999 di mana KPKB memiliki 20% kepentingan di dalam usahasama tersebut. Mengikut para 4.1(a), RSJ perlu membayar RM3.12 juta secara berperingkat dan bayaran RM7.00 juta untuk tujuan penerbitan saham LBT. Pada 29 November 2003, tanah tersebut telah dipajak kepada Ladang Bunga Tanjung bagi tempoh 66 tahun. Pada 19 Februari 2004, PKINK telah bersetuju membenarkan LBT menggadai lot 3023 kepada institusi kewangan dan gadaian tersebut telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri pada 18 Ogos 2012 dengan gadaian pajakan sejumlah RM12.00 juta, di mana RM2.00 juta dibayar kepada KPKB untuk tujuan penerbitan saham, manakala baki RM10.00 juta untuk digunakan di dalam operasi LBT. Pada 5 September 2005, Java Incorporated Bhd (JAVA) telah membeli kepentingan saham RSJ di dalam LBT melalui Perjanjian Penjualan Saham RSJ Trading, menjadikan RSJ sebagai anak syarikat JAVA yang baru. Pada tahun 2009, JAVA telah membuat penukaran nama RSJ Trading kepada JAVA Plantations. Semakan Audit terhadap prestasi pendapatan LBT mendapati sehingga tahun 2013, kerugian terkumpul LBT adalah sejumlah RM 5.59 juta.
- c. Semakan Audit mendapati, PKINK telah menghantar satu surat bertarikh 7 Januari 2003 kepada KPKB, memohon penjelasan yang lebih terperinci berkaitan sumber kewangan untuk membiayai aktiviti LBT, analisa mengenai risiko ke atas pelaburan LBT dan cara mengurus pelaburan tersebut, kemudahan infrastruktur di sekitar ladang serta status pemilikan tanah dan kos tanah. Bagaimanapun, pihak Audit tidak menemui bukti maklum balas secara bertulis daripada KPKB kepada PKINK mengenai penjelasan yang diminta oleh PKINK. Pihak Audit juga tidak menemui bukti bahawa kajian awal terhadap risiko usahasama dan juga latar belakang RSJ telah dilaksanakan oleh KPKB sebelum usahasama dimeterai di antara kedua-dua pihak.
- d. **Mengikut maklum balas KPKB bertarikh 23 September 2015, Mesyuarat Lembaga Pengarah KPKB Bil 68 (5/2014) pada 11 Disember 2014 telah memutuskan untuk menjual pegangan saham 20% di dalam Ladang Bunga Tanjung. Mesyuarat juga telah memutuskan untuk membuat penukaran wakil KPKB di dalam Ahli Lembaga Pengarah LBT.**

#### **3.4.2.5. Syarat Perjanjian Pajakan Tanah Tidak Dipatuhi**

Pajakan tanah milik Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) yang dipajak oleh KPKB di Mukim Ulu Nenggiri, Lojing, Gua Musang seluas 213.37 ekar telah diberikan

pajakan kecil kepada syarikat Fresh Momentum Sdn Bhd (FMSB) bagi mengusahakan pertanian secara moden menggunakan *Infra Green House* dan dinamakan sebagai projek *Nukleus-Green Valley (NGV)*, Lojing. Bayaran pajakan berjumlah RM3.20 juta hendaklah diselesaikan mengikut tiga peringkat manakala bagi bayaran pajakan tahunan yang berjumlah RM0.03 juta setahun hendaklah dibayar sebelum 31 Januari setiap tahun. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

**a. Bayaran Penalti Atas Kelewatan Bayaran Pajakan Dan Pajakan Tahunan Tidak Dikenakan Kepada FMSB**

- i. Berdasarkan para 4.2 dalam perjanjian pajakan di antara KPKB dan FMSB menyatakan, jika pihak FMSB gagal menjelaskan bayaran sama ada sebahagian atau sejumlah bayaran yang dikenakan di para 4, pihak KPKB berhak untuk mengenakan bayaran penalti sebanyak 10% setahun berdasarkan jumlah tunggakan dan jumlah bilangan hari pembayaran yang lewat. Semakan Audit mendapati, pihak KPKB tidak mengenakan bayaran penalti sebagaimana yang terkandung di dalam perjanjian. Kiraan Audit mendapati bayaran penalti yang sepatutnya dikenakan terhadap FMSB adalah berjumlah RM0.28 juta seperti di **Jadual 3.14**.

**Jadual 3.14**  
**Bayaran Penalti Yang Sepatutnya Dikenakan Kepada FMSB Sebagaimana Perjanjian**

Jenis Bayaran	Tarikh Patut Dibayar	Tarikh Terakhir Bayaran Jelas	Jumlah Tunggakan (RM)	Bilangan Hari Lewat	Jumlah Penalti (RM)
50% bagi bayaran pajakan (RM3,200,550)	08.06.2011	18.08.2013	597,608	803	131,310.03
20% bagi bayaran pajakan (RM3,200,550)	08.09.2011	18.08.2013	640,110	711	124,514.55
Pajakan Tahun 2012	31.01.2012	Tiada	32,000	1,185	13,309.98*
Pajakan Tahun 2013	31.01.2013	Tiada	32,000	819	7,180.27*
Pajakan Tahun 2014	31.01.2014	Tiada	32,000	454	3,980.27*
Pajakan Tahun 2015	31.01.2015	Tiada	32,000	89	780.27*
<b>Jumlah Penalti</b>					<b>281,075.37</b>

Sumber: Surat Perjanjian FMSB-KPKB

Nota: \* Bayaran penalti dikira sehingga 30.04.2015

- ii. **Mengikut maklum balas KPKB bertarikh 23 September 2015, kiraan tuntutan penalti hanya berjumlah RM253,868.56 dan telah dikemukakan kepada pihak FMSB pada 8 Jun 2015. FMSB telah memohon agar penalti ini dapat dikurangkan memandangkan tanah seluas 43 ekar tidak dapat digunakan kerana berlaku kes pencerobohan. Permohonan pengurangan ini telah diangkat ke Mesyuarat Lembaga Pengarah KPKB Bil 70(2/2015) pada 9 Julai 2015 dan Mesyuarat memutuskan untuk memberi kuasa kepada Dato Pengurus membuat keputusan ke atas permohonan tersebut. KPKB juga telah melantik Tetuan Azmi Associates untuk berurusan dengan pihak FMSB.**

## **b. Syarat-Syarat Lain Di Dalam Perjanjian Yang Tidak Dipatuhi**

- i. Para 8.2 (m) perjanjian pajakan menyatakan bahawa FMSB bertanggungjawab untuk menjelaskan dalam tempoh 30 hari daripada tarikh perjanjian; kos-kos yang terlibat bagi penyediaan Pelan Pengurusan Alam Sekitar (EMP) dan Laporan Penilaian Kesan Terhadap Alam Sekitar (EIA) yang telah disediakan oleh KPKB. Semakan Audit mendapati, bayaran bagi penyediaan Pelan Pengurusan Alam Sekitar (EMP) dan Laporan Penilaian Kesan Terhadap Alam Sekitar (EIA) berjumlah RM0.03 juta tersebut masih belum dijelaskan oleh pihak FMSB sehingga tarikh pengauditinan dijalankan.
- ii. Para 8.2 (u) perjanjian yang sama pula menjelaskan bahawa, pihak FMSB hendaklah memastikan semua hasil keluaran daripada projek ini hendaklah dikenamakan dengan “Pengeluaran Lojing-Kelantan” di bahagian luar kotak pembungkusan. Walau bagaimanapun, lawatan Audit ke Lojing pada 5 April 2015 mendapati, syarat tersebut tidak dipatuhi oleh FMSB.
- iii. **Mengikut maklum balas KPKB bertarikh 23 September 2015, KPKB mengambil maklum berkenaan perkara yang dibangkitkan ini. Sehingga kini bayaran penyediaan pelan pengurusan (EMP) dan Laporan Kesan Terhadap Alam Sekitar (EIA) masih belum diterima. Bagaimanapun, pihak pengurusan akan mengadakan mesyuarat dengan FMSB dalam masa terdekat bagi membincangkan isu bayaran EIA dan EMP.**

### **3.4.2.6. Kerugian Pelaburan Dalam Syarikat Subsidiari**

- a. Kerajaan Negeri dan Agensi Kerajaan hendaklah memantau Syarikat Induk/Subsidiari yang ditubuhkan bagi memastikan pencapaian *Key Performance Indicator* (KPI) yang ditetapkan dan operasi syarikat-syarikat tersebut adalah selaras dengan objektif penubuhannya. Pemantauan oleh Kerajaan/Agensi Kerajaan terhadap Syarikat Induk dan syarikat subsidiari perlu dibuat meliputi aspek pengurusan, tahap prestasi kewangan dan operasi syarikat serta keberkesanan kawalan dalaman syarikat.
- b. Semakan Audit mendapati sehingga akhir tahun 2014, KPKB telah menubuhkan 6 syarikat subsidiari iaitu 2 syarikat subsidiari yang aktif dan 4 syarikat subsidiari adalah dorman. Senarai syarikat subsidiari milik penuh KPKB adalah seperti di **Jadual 3.15**.

**Jadual 3.15**  
**Senarai Syarikat Subsidiari Milik Penuh KPKB**

Bil	Syarikat	Tarikh Penubuhan	Pegangan (%)	Status	Tarikh Dorman
1.	Darulnaim Agro Management Industries Sdn Bhd	1995	100	Aktif	-
2.	Muslim Strategic International Marketing Sdn Bhd	2012	100	Aktif	-
3.	Murni Feedmill Sdn Bhd	1997	100	Dorman	1997
4.	Murni Marketing Sdn Bhd	1997	100	Dorman	2013
5.	Ladang Darulnaim Sdn Bhd	1997	100	Dorman	1999
6.	KPKB Livestock Sdn Bhd	2008	100	Dorman	2009

Sumber: Penyata Kewangan KPKB

- c. Semakan Audit terhadap penyata kewangan syarikat subsidiari mendapati bagi tahun berakhir 2014, hanya satu daripada 2 syarikat yang aktif iaitu DAMAI Sdn. Bhd mencatatkan keuntungan terkumpul sejumlah RM1.09 juta manakala MIMACO Sdn. Bhd. mencatatkan kerugian terkumpul sejumlah RM87,391. Semakan terhadap syarikat subsidiari KPKB yang berstatus dorman pula mendapati bagi tahun berakhir 2014 kerugian terkumpul bagi keempat-empat syarikat adalah berjumlah RM6.62 juta. Jumlah kerugian keseluruhan bagi keenam-enam anak syarikat ialah RM5.61 juta setelah mengambil kira keuntungan DAMAI Sdn. Bhd. sejumlah 1.09 juta. Maklumat kewangan berkaitan syarikat subsidiari berstatus dorman adalah seperti di **Jadual 3.16** berikut:

**Jadual 3.16**  
**Maklumat Kewangan Syarikat Subsidiari Berakhir 31 Disember 2014**

Bil	Nama Syarikat	Tahun	Aset Tetap (RM)	Aset Semasa (RM)	Liabiliti Bersih (RM)	Keuntungan/Kerugian Terkumpul (RM)
1.	DAMAI Sdn. Bhd.	2014	1,632,462	4,425,426	1,751,670	1,093,674
2.	MIMACO Sdn. Bhd.	2014	36,010	208,766	-87,389	-87,391
3.	Ladang Darulnaim Sdn. Bhd.	2014	-	11,837	-285,158	-410,160
4.	Murni Feedmill Sdn. Bhd.	2014	-	10	-784,725	-884,727
5.	Murni Marketing Sdn. Bhd.	2014	5,011	184,400	-3,844,039	-4,044,041
6.	KPKB Livestock Sdn. Bhd.	2014	5	114	-1,179,153	-1,279,156
<b>Jumlah</b>			<b>1,673,488</b>	<b>4,830,553</b>	<b>-4,428,794</b>	<b>-5,611,801</b>

Sumber: Penyata Kewangan Syarikat Subsidiari KPKB

- d. Semakan Audit mendapati laporan prestasi kewangan, isu-isu signifikan serta prestasi syarikat subsidiari ada dibincangkan di dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah KPKB. Semakan Audit juga mendapati KPKB melantik seorang wakil dari PKINK dan seorang wakil dari KPKB sebagai Ahli Lembaga Pengarah syarikat subsidiari sebagai satu medium pemantauan ke atas syarikat subsidiari di bawah KPKB.
- e. **Mengikut maklum balas KPKB bertarikh 23 September 2015, KPKB mengambil maklum teguran pihak Audit berkenaan hal ini bagi tujuan penambahbaikan. Sekiranya perlu, KPKB akan membuat pengesoran kepada pihak PKINK agar syarikat subsidiari yang tidak berdaya saing dan berstatus dorman ditutup sepertimana nasihat dan tatacara pengesoran dari pihak PKINK.**

Pada pendapat Audit, pengurusan aktiviti KPKB adalah tidak memuaskan kerana aktiviti utama syarikat iaitu penternakan mengalami kerugian berterusan bagi ketiga-tiga tahun. KPKB hendaklah mempunyai sistem perancangan dan pengurusan aktiviti yang teratur, termasuklah melaksanakan kajian pasaran sebelum memulakan sesuatu aktiviti supaya syarikat memperoleh pendapatan maksimum dan seterusnya dapat mengurangkan kerugian kepada syarikat.

### **3.5. Tadbir Urus Korporat**

Tadbir urus korporat yang baik dapat membantu organisasi mempertingkatkan kecekapan dan membolehkan operasi syarikat diurus dengan sempurna, telus dan bertanggungjawab. Semakan Audit terhadap tadbir urus korporat KPKB mendapati perkara seperti berikut:

#### **3.5.1. Mesyuarat Lembaga Pengarah**

Mengikut amalan terbaik yang dinyatakan dalam Buku Hijau – *Enhancing Board Effectiveness*, Lembaga Pengarah Syarikat bertanggungjawab untuk memastikan tadbir urus yang baik, menilai prestasi syarikat dan memastikan wujudnya kawalan dalaman yang berkesan. Ahli Lembaga Pengarah hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya 4 kali setahun atau mengikut peraturan syarikat yang telah ditetapkan. Semakan Audit mendapati mesyuarat Lembaga Pengarah telah diadakan sebanyak 5 kali pada tahun 2012, 5 kali pada tahun 2013 dan 4 kali pada tahun 2014. Antara perkara yang dibincangkan dalam mesyuarat adalah berkaitan pelaksanaan polisi dan peraturan syarikat, laporan operasi syarikat, laporan akaun dan kewangan serta isu berkaitan bajet, perbelanjaan, operasi, pentadbiran dan sumber manusia.

#### **3.5.2. Standard Operating Procedures**

**3.5.2.1.** Sistem dan prosedur yang lengkap, jelas dan menyeluruh dapat menyeragamkan urusan dan operasi harian sesebuah syarikat. Selain itu, ia memudah dan menyegerakan pihak pengurusan dalam membuat keputusan dan mengambil tindakan. Sistem dan prosedur yang berkesan mampu mempertingkatkan produktiviti sesebuah syarikat. *Standard Operating Procedures* (SOP) hendaklah meliputi prosedur pelaksanaan projek, perakaunan dan kewangan, jualan, pengurusan kredit, terimaan wang, pembelian, pembayaran, penggajian, pengurusan sumber manusia dan pengurusan aset.

**3.5.2.2.** Semakan Audit mendapati KPKB menggunakan Sistem Pengurusan Kualiti (ISO 9001:2008) iaitu Prosedur Operasi merangkumi Pengurusan Kontrak Skim Al-It'Am dan Skim Subsidi Baja Padi, Prosedur Urus merangkumi Tender & Kontrak, Pembelian, Pembayaran Pembekal & Kontraktor, Tuntutan Bayaran Kontrak, Pengambilan Pekerja, Latihan, Senggaraan dan Prosedur Sistem yang merangkumi Kawalan Dokumen, Kawalan Rekod, Audit Dalaman, Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan dan Tindakan Pencegahan & Pembetulan.

**3.5.2.3.** Semakan lanjut mendapati, KPKB telah mendapat persijilan MS ISO 9001:2008 pada 19 Disember 2012 untuk Skim Subsidi Baja Padi bagi tempoh 18 Disember 2012 hingga 19 Disember 2015. Mengikut MS ISO tersebut, KPKB perlu menyediakan dokumen dan menggunapakai borang-borang mengikut keperluan-keperluan yang terkandung dalam MS ISO 9001:2008. Walau bagaimanapun, KPKB tidak menggunakan borang yang disediakan mengikut MS ISO tetapi menggunapakai borang yang disediakan oleh syarikat. Pematuhan terhadap MS ISO adalah penting bagi memastikan setiap aktiviti yang dilaksanakan berkualiti mengikut kitaran perancangan, pengawalan dan pendokumentasian.

### **3.5.3. Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan**

Mengikut amalan terbaik sebagaimana Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993 menetapkan bahawa Jawatankuasa Audit dan Pemeriksaan perlu ditubuhkan bagi memelihara kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham melalui kawalan dan pengawasan terhadap pengurusan syarikat. Antara fungsi utama Jawatankuasa adalah mengadakan kajian audit dan pemeriksaan khas, menyemak aktiviti dan pencapaian audit dalaman, mengkaji dan mengawasi rancangan korporat, mengkaji dan menentukan proses kawalan dalaman serta mengkaji dan memeriksa penyata kewangan syarikat. Semakan Audit mendapati KPKB telah menujuhkan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan. Jawatankuasa ini telah bermesyuarat sebanyak 1 kali pada 2012 dan 1 kali pada tahun 2014.

### **3.5.4. Unit Audit Dalam**

Mengikut amalan terbaik sebagaimana Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 2004, penubuhan Unit Audit Dalam adalah untuk menilai dan menentukan keberkesanan semua proses kawalan dan tadbir urus bagi membantu organisasi mencapai matlamatnya. Matlamat Unit Audit Dalam adalah bagi mempertingkatkan keberkesanan proses tadbir urus, tahap pengurusan kewangan dan akauntabiliti dalam pentadbiran. Semakan Audit mendapati Unit Audit Dalam tidak ditubuhkan di KPKB memandangkan saiz syarikat yang kecil. Tugas Audit Dalam dijalankan oleh Unit Audit Dalam syarikat induk iaitu Bahagian Audit Dalam Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK) yang telah melaksanakan pengauditan terhadap prestasi aktiviti KPKB pada 26 Mac 2014.

### **3.5.5. Rancangan Korporat**

Mengikut amalan terbaik sebagaimana Pekeliling Perbendaharaan Bil. 12 Tahun 1993, semua syarikat Kerajaan perlu menyedia atau mengemas kini strategi dan rancangan korporat sebagai wawasan untuk mencapai matlamat bagi tempoh jangka pendek (tahunan) dan jangka panjang. Rancangan tersebut perlu dibentang dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah Syarikat Induk serta hendaklah selaras dengan objektif penubuhan sesebuah syarikat. Semakan Audit mendapati KPKB telah menyediakan rancangan korporat bagi jangka panjang iaitu Pelan Strategik 5 Tahun KPKB bermula dari tahun 2010 hingga 2015.

Pelan strategik ini menggariskan strategi dan pelan tindakan yang berasaskan kepada fungsi bahagian masing-masing mengikut perspektif kewangan, perspektif pelanggan, perspektif proses bisnes dalaman dan perspektif pembelajaran & pertumbuhan organisasi untuk membolehkan tahap pelaksanaannya dapat diukur dengan berkesan dan ditentukan bahagian-bahagian pelaksana untuk memikul tanggung jawab tersebut. Pelan strategik ini adalah hasil daripada bengkel KPKB ‘*Strategic Retreat*’ di Bukit Kluang dan hasil lawatan Ahli Lembaga Pengarah KPKB kepada projek-projek KPKB pada 19 Ogos 2009. Walau bagaimanapun, Rancangan Korporat KPKB belum diluluskan di dalam Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah tetapi telah diguna pakai oleh KPKB.

### **3.5.6. Key Performance Indicator**

Mengikut *Intensifying Performance Management* Buku Biru Versi 2, syarikat Kerajaan perlu menyediakan *Key Performance Indicator* (KPI) bagi mengukur prestasi syarikat. KPI yang disediakan perlulah berkait rapat dengan strategi syarikat yang melibatkan semua peringkat dalam organisasi iaitu KPI bagi Ketua Eksekutif dan syarikat keseluruhannya dan KPI bagi seksyen/unit perniagaan. Semakan Audit mendapati KPKB tidak menyediakan KPI untuk menilai prestasi syarikat bagi tahun 2012 hingga 2014. **Mengikut maklum balas KPKB bertarikh 23 September 2015, KPKB mengambil maklum teguran pihak Audit dan akan menggunakan pakai Key Performance Indicator PKINK sebagai rujukan.**

**Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya tadbir urus korporat KPKB adalah memuaskan. Walau bagaimanapun, ketidaaan KPI sebagai satu asas pengukuran prestasi syarikat menyebabkan pencapaian syarikat tidak dapat diukur dengan jelas.**

## **3.6. SYOR AUDIT**

Secara keseluruhannya, pengurusan KPKB adalah kurang memuaskan. Bagi tujuan penambahbaikan dan mempertingkatkan prestasi syarikat, pihak Audit mengesyorkan KPKB mengambil langkah berikut:

**3.6.1.** Membuat perancangan yang terperinci dalam pelaksanaan projek atau program supaya pembaziran kos dan masa dapat dikurangkan dan keuntungan maksima dapat dicapai.

**3.6.2.** Syarikat Induk perlu membuat pemantauan terhadap syarikat subsidiari meliputi aspek pengurusan, tahap prestasi kewangan dan operasi syarikat serta keberkesanannya kawalan dalaman syarikat supaya syarikat kekal beroperasi berdasarkan objektif penubuhan dan berdaya maju pada masa hadapan.

**3.6.3.** Kajian awal perlu dilakukan terhadap latar belakang sesebuah syarikat, risiko projek usahasama serta jangkaan keuntungan di atas pelaburan sebelum sesuatu perjanjian usaha sama dimeterai.





---

# PENUTUP

---



---

# PENUTUP

---

Secara keseluruhan, pengauditan yang dijalankan telah menunjukkan beberapa penambahbaikan dalam pelaksanaan program dan aktiviti Jabatan/Agensi Negeri seperti berkurangnya kes-kes ketidakpatuhan terhadap prosedur kerajaan dan penetapan asas-asas yang jelas dalam pelaksanaan projek atau program. Namun begitu, kegagalan mengambil tindakan awal terhadap masalah yang berlaku sepanjang pelaksanaan projek/program telah menjelaskan pencapaian matlamat projek/program pada akhirnya. Selain itu, aspek pemantauan dan penyeliaan masih perlu dipertingkatkan dan dilakukan secara berterusan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor.

Sehubungan itu, Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat bukan sahaja perlu mengambil tindakan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, malah perlu bertindak dengan cepat sebaik sahaja masalah atau kelemahan itu dikenal pasti. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku dalam projek/program lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan Kerajaan, berdaya saing serta bagi memastikan objektif penubuhan syarikat tercapai sepenuhnya.

**Jabatan Audit Negara**

**Putrajaya**

**16 Oktober 2015**







---

**[www.audit.gov.my](http://www.audit.gov.my)**

JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA

NO. 15, ARAS 1-5, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2, 62518 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA